

“PERKHIDMATAN Awam adalah jentera penggerak. Jika ia lemah dan tidak dinamik, ia boleh menyebabkan negara tertinggal di belakang semua kemajuan.”
- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-10 pada 8 Syaaban 1424 / 4 Oktober 2003.

“SESUNGGUHNYA Allah membeli daripada orang-orang yang beriman, jiwa dan harta benda mereka dengan mengurniakan bagi mereka Syurga disebabkan mereka berperang pada jalan Allah lalu mereka membunuh dan terbunuh.”
- (Surah At Taubah ayat 111).



Lawatan negara Presiden Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengalu-alukan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam yang mengadakan lawatan negara selama tiga hari. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman. (Berita penuh ke muka 3, 4, 12 & 13).

Brunei-Singapura eratkan persahabatan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Lawatan Presiden Republik Singapura bukan sahaja dapat memperbaharui dan mengukuhkan persahabatan peribadi, bahkan juga dapat mempereratkan lagi hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang sudah lama terjalin dalam pelbagai peringkat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Majlis Persantapan Negara sempena meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah mengimbas kembali lawatan-lawatan TYT Presiden Tony Tan semasa menjawat jawatan selaku Menteri Pelajaran, Menteri Pertahanan dan Timbalan Perdana Menteri Singapura yang mana telah menyumbang secara signifikan ke arah memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua buah negara.

Hubungan saling hormat-menghormati dan percaya-mempercayai telah membolehkan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura untuk memperluaskan lagi bidang-bidang kerjasama dalam pertahanan, kesihatan, pendidikan, perdagangan dan perniagaan yang wujud sekian lama.

Kebawah DYMM bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam menghargai sumbangan penting seramai kira-kira 700 rakyat Republik Singapura kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai sektor.

Ke muka 24

DI DALAM



Muka 4

PRESIDEN Republik Singapura tiba di negara ini bagi lawatan 3 hari



Muka 10

HALALKAH Makanan Yang Mempunyai Kesan Najis?



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Pelajar-Pelajar Aliran Agama / Arab pada hari Khamis, 6 Rejab 1434 Hijrah / 16 Mei 2013 Masihi bertempat di Manggis Ballroom, Tingkat 4, Bangunan Hua Ho.

Bismillahir Rahmanir Rahim

**Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh**

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah mengundang saya untuk menjadi tetamu kehormat di majlis ini yang sangat signifikan dan relevan dengan usaha-usaha kita sekarang ini pada memajukan, mengembangkan dan meningkatkan kualiti pendidikan Islam di negara ini.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Pengajian Islam yang telah berusaha di waktu kebelakangan ini untuk memberikan perhatian dan penghargaan kepada pelajar-pelajar aliran agama Arab yang cemerlang dalam pelajaran mereka. Saya percaya usaha ini akan dapat menjadi satu motivasi dan pendorong yang kuat untuk pelajar-pelajar agar akan belajar dengan lebih tekun dan berusaha mencapai tahap-tahap kejayaan yang membanggakan bukan sahaja kepada pelajar sendiri, juga sekolah, guru-guru dan ibu bapa sekaliannya akan turut merasa bangga.

Tahniah kepada pelajar-pelajar yang berjaya dan diberi penghormatan menerima hadiah kecemerlangan pada hari ini. Tahniah kepada guru-guru dan ibu bapa yang telah membimbing mereka dengan sabar. Hanya saya berharap, kejayaan itu tidak setakat ini sahaja, malah akan berterusan pada tahap-tahap selepasnya yang lebih tinggi. Negara dan bangsa kita sangat-sangat memerlukan anak bangsa yang berjaya dalam aliran agama/Arab, juga lain-lain aliran umum, yang mana semua bidang yang diterokai itu adalah berguna untuk membangunkan agama, negara dan bangsa.

Untuk menuju kecemerlangan, perlulah ditingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ini ada kaitannya dengan teknik atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik, menyeronokkan, mudah difaham. Perlu disediakan buku-buku teks, buku-buku kerja, buku-buku bacaan tambahan, perlu ada kurikulum, kokurikulum yang bermutu dan kemas kini.

Pendidikan agama menjana insan cemerlang

Dalam pendidikan agama, khasnya di peringkat rendah, saya kira teori dan amali perlu seimbang. Teori bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas yang cukup kepada pelajar, sementara amali ialah bagaimana pengetahuan asas itu dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari. Pengetahuan tentang syarat-syarat, sah batal, hukum hakam dan sebagainya tidaklah memadai tanpa menunjukkan bagaimana kesempurnaan praktiknya, misalnya bagaimana kesempurnaan perlakuan wuduknya, atau tayamumnya, bagaimana perlakuan kesempurnaan sembahyangnya, bagaimana kesempurnaan bacaan Al-Qur'annya, doanya, tahlilnya, puasanya dan sebagainya.

Jika pengetahuan asas dan amali agamanya cukup mantap di peringkat rendah, itulah yang akan menjadi bekalnya di peringkat remaja dan dewasa nanti. Tetapi jika pengetahuan asas dan amali agamanya itu belum sempurna, apatah lagi jika tidak mempelajari langsung, maka permasalahan akan tetap timbul di peringkat selanjutnya seorang kanak-kanak itu. Oleh itu kita berharap, apabila seorang kanak-kanak itu telah sempurna menduduki Darjah 6 agama di bawah Perintah Pendidikan Ugama Wajib yang telah mula dilaksanakan baru-baru ini, bermakna ia telah menguasai ilmu-ilmu fardu 'ain, yang insya-Allah akan menjadikannya seorang Muslim yang sejati.

Dalam hal ini, guru-guru dan ibu bapa atau saudara mara adalah merupakan contoh yang terdekat. Apabila seseorang itu telah menjadi guru, khasnya guru agama dan seseorang itu telah memasuki alam berumah tangga sehingga menjadi seorang ibu atau seorang bapa kepada anak-anak mereka, maka dengan sendirinya dia telah menjadi *role model*, atau pemimpin kecil dalam kelompoknya, tiada lagi ada alasan untuk *malastah ku ingau* atau berkelakuan yang tidak selari dengan ajaran agama, kerana impaknya akan jadi negatif atau kurang baik kepada pertumbuhan anak-anak atau generasi di bawah bimbingan kita itu sekiranya mereka menunjukkan contoh yang tidak sihat kepada anak-anak mereka.

Peribahasa pun sudah ada mengatakan bahawa anak-anak itu adalah ibarat kain putih yang boleh kita corakan dengan apa jua warna yang kita inginkan. Maka corakkanlah mereka dengan sebaik-baik warna, secantik-cantik warna, seindah-indah warna mengikut calak Brunei dan di atas landasan yang diredai Allah Ta'ala jua. Kerana mereka itulah warisan yang akan kita tinggalkan, tiada yang lain, orang akan bertanya: Anak siapa yang hebat itu, atau yang pandai itu, atau yang berakhlak itu, itu di dunia. Adapun di Akhirat, kita juga akan ampit jika anak yang kita tinggalkan itu beramal soleh atau beramal kebajikan. Itulah saham yang hasilnya akan kita peroleh dari pelaburan kerana mendidik anak yang taat berbakti, sebagaimana dalilnya dinyatakan dalam sebuah hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam:

Ertinya: *Apabila meninggal seorang anak Adam (manusia), maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya.*

Alhamdulillah, kita di Negara Brunei Darussalam merasa bertuah, menjadi pilihan Allah untuk menjadikan negara ini sebagai tapak semai-Nya yang subur bagi perkembangan agama-Nya, dikurniakan-Nya rezeki, diberi-Nya

ketenteraman dan dicampakkan-Nya semangat tinggi kepada para pemimpin negara ini untuk berganding bahu bagi sama-sama memikul tanggungjawab untuk mendukung agama Allah ini. Inilah agama nikmat, agama rahmat, agama penyelamat, di dunia dan di Akhirat. Maha Benar firman Allah Ta'ala:

Ertinya: *Kalau sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa, tentulah Kami (Allah) akan membukakan (pintu-pintu) keberkatan kepada mereka yang melimpah-limpah dari langit dan bumi.* (Surah Al A'raaf, ayat 95).

Yakin dengan janji Allah ini, salah satu kaedah untuk sentiasa mendekatkan manusia dengan Maha Pencipta-Nya ialah menerusi penyuburan dan pendidikan agama. Menginsafi perkara ini dan dengan petunjuk Allah jua Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada sempena Awal Tahun Baru Hijriah 1427, antara lain bertitah:

"Salah satu di antara beberapa program yang terpenting ialah program persekolahan dan pendidikan agama pada keseluruhannya. Kerajaan beta telah memperkenalkan sistem persekolahan agama semenjak hampir setengah abad yang lalu. Menerusinya, rakyat negara ini telah dapat mempelajari ilmu-ilmu agama, khasnya ibadat dan Al-Qur'an. Beberapa tahun sesudah ia dimulakan, pelajaran dewasa agama pula dilaksanakan. Semenjak daripada itu, persekolahan agama telah mencorakkan hidup kita selaku orang-orang Islam. Daripadanya terpancar sinar agama menyinari kehidupan kita."

Brunei adalah dikenali dengan sifatnya mengamalkan agama menurut landasan yang sihat. Ia tidak pernah mencetuskan sebarang kekecohan, berkat fahaman yang kita pakai adalah menepati acuannya, beta rasa pendekatan ini sudah serasi dengan Brunei. Oleh itu hayati dan pertahankanlah ia.

Berdasarkan kepada titah ini, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah mendukung dengan sekuat-kuatnya sistem pendidikan agama itu yang telah membuktikan peranannya yang unggul sejak zaman-berzaman dalam membentuk masyarakat Brunei menjadi masyarakat yang cintakan tanah airnya, taat beraja, taat kepada ajaran agama, beradab sopan yang halus, bertata tertib, pemeduliaan dan banyak lagi ciri-ciri yang berkualiti yang perlu dipelihara untuk generasi yang akan datang.

Oleh yang demikian, kehadiran kita di majlis ini pada pagi ini adalah wajar, untuk menjana insan-insan yang berlatarbelakangkan pendidikan agama yang mana pada masa hadapan bakal menjadi pemimpin, ulama, cerdik pandai, doktor, jurutera, ekonomis, peguam dan lain-lain profisien yang dihormati yang semuanya diperlukan dan diimpikan oleh negara.

Dengan melafazkan kalimah agung:

Bismillahir Rahmannir Rahim

Allah Huma Salli 'Alaa Saidina Muhammad Wa'alaa Alihi Wasahbihi Wassalam

Saya dengan sukacita melancarkan buku-buku teks agama di persekolahan agama dan Arab serta mata pelajaran Pengetahuan Islam dalam bentuk Format Dokumen Mudah Alih (PDF), semoga usaha ini akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Dari Sidang
Pengarang.

29 MEI 2013 BERSAMAAN 1434 رجب 19

PEMBANGUNAN JAMBATAN TEMBURONG SEBAGAI TANDA KEMAJUAN NEGARA

SEKIAN lama negara berusaha meningkatkan kemajuan infrastruktur jalan raya akhirnya negara telah sedaya upaya menginginkan membina sebuah lagi mercu kejayaan yang bakal dibina pada masa akan datang. Jambatan penghubung daripada Daerah Brunei dan Muara (DBM) ke Daerah Temburong ini akan menjadikan infrastruktur jalan raya di negara ini bertambah baik dan turut memberikan impak yang positif dalam meningkatkan perekonomian, sosial, budaya dan imej Negara Brunei Darussalam.

Perkembangan positif yang dilihat melalui perekonomian ini adalah meluas kepada aspek-aspek pengaliran kemudahan perniagaan dan perdagangan, meningkatkan aktiviti-aktiviti pelancongan, mengubah skop kerja yang berpotensi di antara kedua-dua buah daerah contohnya sesuatu pekerjaan akan mula berkembang dan dibentuk dari sektor kerajaan mahupun swasta dan juga memberikan kesan yang baik dari segi penjimatan kos perjalanan merentas menggunakan jambatan penghubung tersebut.

Dari segi sosial pula pembinaan jambatan ini akan meningkatkan rasa tanggungjawab kita terhadap penggunaan jambatan ini yang juga dapat membantu menghubungkan keluarga, sanak saudara, teman sekerja mahupun dari negara-negara jiran yang berdekatan. Selain daripada itu aktiviti-aktiviti sosial akan bertambah erat dan padu sama ada yang berkenaan dengan aktiviti keagamaan dan aktiviti sosial yang lain. Dalam aktiviti keagamaan ini akan membantu pertumbuhan imej Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir yang boleh menyebarkan ilmu-ilmu agama, pengetahuan mengenai ajaran agama Islam yang 'syumul' dan kesedaran bersaudara antara sesama umat Islam.

Manakala dari segi budaya pula ia akan memupuk rasa tanggungjawab pengguna jalan raya khususnya jambatan yang akan bakal dibina digunakan sebaik mungkin agar ia tidak digunakan sebagai tempat yang tidak berfaedah, budaya mengamalkan aktiviti sihat juga akan dapat dilaksanakan dengan jayanya agar kemudahan seperti ini dijadikan tempat persiaran, meningkatkan daya fikir yang kompleks dan budaya menggunakan jambatan akan terbit apabila ia siap nanti.

Seperti mana projek pembangunan jambatan yang dilaksanakan ini aspek-aspek reka bentuk yang ada perlu menepati ciri-ciri kebruneian dan menunjukkan imej Negara Brunei Darussalam yang juga dikenal sebagai Negara Zikir seperti mana dalam titah Baginda dalam Majlis Perjumpaan Dengan Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 9 Mei 2012 mengenai contoh Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang sedang dipermodenkan masa kini yang bukan sekadar pintu masuk utama ke Negara Brunei Darussalam tetapi mencerminkan identiti bangsa dan negara ini seperti mana baginda bertitah : "Beta mengharap projek ini berjalan dengan lancar, beta juga adalah mengambil maklum tentang pemodenan yang sedang dirancang. Namun dalam pada itu, beta juga suka mengingatkan supaya kita jangan sekali-kali mengabaikan MIB di dalam pemodenan berkenaan."

Jambatan sepanjang kira-kira 14 kilometer dari DBM dan Daerah Temburong ini yang bermula dari Jalan Utama Menteri hingga ke Labu Estet akan juga mempercepatkan perjalanan dan pengangkutan di antara kedua-dua daerah kira-kira 30 ke 40 minit mengikut jangkaan. Oleh kerana itu, kita perlu rasa bangga dengan pencapaian yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menitikberatkan kepentingan dan kebajikan rakyat di negara ini dalam mencapai matlamat Wawasan Negara 2035 akan tercapai dengan jayanya.

- Ketua Penyuntingan.

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Rosidah Haji Ismail
Pg. Arsul Pg. Haji Abd. Momin

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahrn Wan Ahmadi,
Haniza Abdul Latif

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Hatrul Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Raman Cuaa Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32° C	25° C	32° C
MUARA		
31° C	25° C	31° C
PEKAN BANGAR		
31° C	24° C	31° C
PEKAN TUTONG		
31° C	25° C	31° C
PEKAN SERIA		
32° C	25° C	33° C
KUALA BELAIT		
32° C	25° C	33° C

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerbitan Asam
Telefon : 2330142 sambungan 1886/1551 atau Talian Cuaa : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

**PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Menerima mengadap Presiden Republik Singapura dan isteri

Oleh : Aimi Sani
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam yang mengadakan Lawatan Negara ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Terdahulu dari itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat mengalu-alukan TYT Presiden Republik Singapura dan isteri dan seterusnya bersama-sama dengan TYT naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat daripada Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) diiringi oleh Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam. Kedua-dua pemimpin kemudiannya

memeriksa barisan kehormatan.

TYT Presiden Republik Singapura dan isteri kemudiannya disembahkenalkan kepada kerabat diraja; Pembesar-Pembesar Negara; Menteri-Menteri Kabinet; Timbalan-Timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Ketua-Ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam; dan Setiausaha-Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersama isteri masing-masing.

Sementara itu, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri disembahkenalkan kepada ahli-ahli rombongan TYT.

Rombongan TYT termasuklah Menteri bagi Kesihatan, TYT Gan Kim Yong; Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Tenaga Manusia dan Kementerian Pendidikan, TYT Hawazi Daipi; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT S. Jayaratnam; Ahli Parlimen, TYT Ong Teng Koon; dan Ahli Parlimen, TYT Alex Yam serta beberapa orang pegawai kanan daripada Republik Singapura.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat mengalu-alukan TYT Presiden Republik Singapura dan isteri dan seterusnya naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat daripada Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) diiringi oleh Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam.



TYT Presiden Republik Singapura dan isteri disembahkenalkan kepada kerabat diraja (gambar atas dan bawah).



ISTERI TYT Presiden Republik Singapura disembahkenalkan kepada Ketua-Ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan TYT Presiden Republik Singapura ketika memeriksa barisan kehormatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam yang mengadakan Lawatan Negara ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari.

Dari muka 3

Majlis Mengadap diadakan di Cheradi Laila Kenchana. Berangkat sama ke Majlis Tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-At-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.

Seramai kira-kira 2,000 pelajar mengibarkan bendera kedua-dua buah negara di sepanjang jalan menuju Istana Nurul Iman bagi meraikan Lawatan Negara TYT Presiden Republik Singapura.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura mempunyai hubungan yang telah lama terjalin sebelum hubungan diplomatik secara rasmi ditubuhkan pada tahun 1984.

Kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam bidang pertahanan, kewangan, perdagangan dan pelaburan, pelancongan, kesihatan, pendidikan dan sukan.

Sementara itu, kedua-dua pemimpin negara juga sering mengadakan lawatan yang mana kali terakhir baginda membuat lawatan rasmi ke Republik Singapura pada 15-17 Februari 2012 bagi menghadiri Pertunjukan Udara Singapura Kali ketiga.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam sejurus selepas Majlis Mengadap.



Presiden Republik Singapura tiba di negara ini bagi lawatan 3 hari

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto :

Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri tiba di negara ini bagi Lawatan Negara ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari.

Berangkat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mengalu-alukan ketibaan TYT dan Puan Tan Keng Yam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat mengalu-alukan ketibaan TYT dan Puan Tan Keng Yam.

Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berada di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Menteri

Pengiring dan Datin Paduka Hajah Zahrah binti Haji Mohamad.

Hadir sama ialah bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura,

TYT Haji Awang Saiful Bahri bin Haji Awang Mansor dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT Jaya Ratnam.



Pusat Ehsan terima BND9,000 dari Kementerian Pendidikan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menerima kunjungan hormat daripada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Turut hadir dalam kunjungan hormat yang berlangsung di bangunan baru Kementerian Pendidikan, di sini ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim; Pemegang Amanah Pendidikan, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Dr. Haji Omar bin Haji Khalid; Ketua Pengarah Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perkembangan Kurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan.

Majlis diteruskan dengan Penyerahan Derma Festival Pendidikan Drama 'Charity Event' 2013 anjuran

Kementerian Pendidikan yang dikelolakan oleh JPK.

Dalam majlis tersebut, Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Naw, selaku Pengerusi festival tersebut juga menyerahkan sumbangan sejumlah BND9,000 kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang kemudiannya menyerahkan kepada Pengiran Datin Hajah Noraini, selaku wakil Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Festival Pendidikan Drama yang julung kalinya diadakan pada 6 April lalu di Jerudong Park Amphitheatre merupakan acara amal yang melibatkan pentas drama-drama berunsur sejarah, budaya dan juga kontemporari yang dipersembahkan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah rendah serta menengah.

Ianya mendapat sambutan orang ramai dan berjaya menambat hati para penonton melalui persembahan-persembahan menarik yang dipertunjukkan pada malam tersebut.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan derma sempena Festival Pendidikan Drama 'Charity Event' 2013 anjuran Kementerian Pendidikan kepada wakil Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berlangsung di kementerian berkenaan.

Kesihatan perlukan pendekatan semua lapisan masyarakat



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berserta delegasi semasa menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia Kali Ke-66.

GENEVA, SWITZERLAND. - Menteri-Menteri Kesihatan dan wakil dari 194 buah negara ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia Kali Ke-66 (66th World Health Assembly) berlangsung di sini, bermula 20 Mei dan berakhir pada 28 Mei 2013.

Delegasi Negara Brunei Darussalam ke Perhimpunan tersebut diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan disertai oleh Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Tuan Yang Terutama Abu Sufian bin Haji Ali dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil serta beberapa pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Tema Perhimpunan WHO pada tahun ini ialah 'Memastikan Kesihatan Dalam Matlamat Pembangunan Global Generasi Yang Akan Datang (Ensuring Health in the Next Generation of Global Development

Goals)'. Kesihatan selain menyumbang juga mendapat faedah dari pembangunan yang berdaya tahan dan ia juga merupakan sukat-sukat kejayaan kepada kesemua dasar pembangunan yang lain.

Pelaburan ke atas penjagaan kesihatan orang ramai adalah merupakan satu strategi yang bijak dalam mengurangkan kemiskinan. Pada perhimpunan tersebut, Menteri Kesihatan dalam ucapannya antara lain mengalu-alukan dan menyokong WHO di atas penumpuan dan perhatian tinggi bagi memastikan agenda kesihatan kekal ditempatkan dalam Matlamat Pembangunan Global demi kepentingan generasi akan datang.

Yang Berhormat juga memberikan penekanan bahawa kesihatan adalah teras utama dalam menentukan kualiti kehidupan dan kesejahteraan sejagat selain sangat penting bagi memastikan kejayaan dan kedayatahan pembangunan secara menyeluruh. Menteri Kesihatan seterusnya menegaskan bahawa kesihatan memerlukan Pendekatan Semua Lapisan Masyarakat (Whole of Society Approach) dan bukan hanya

pada pihak kerajaan sahaja (Whole of Government).

Sehubungan dengan itu, dalam memastikan kesihatan kekal di dalam Matlamat Pembangunan Global maka adalah mustahak bagi sektor kesihatan untuk melibatkan kerjasama aktif sektor bukan kesihatan dan setiap peringkat masyarakat, melalui advokasi yang berdasarkan bukti (*evidence based advocacy*), di samping terus menerajui dalam hal ehwal kesihatan. Dalam pada itu, Yang Berhormat juga turut mengongsikan mengenai kejayaan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai kesemua Matlamat Pembangunan Milenium mengenai kesihatan.

"Ini adalah hasil dari komitmen tinggi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, saksama, komprehensif lagi mudah diperolehi oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu melalui prinsip Penjagaan Kesihatan Menyeluruh (Universal Health Coverage) dan menumpukan kepada



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa mengadakan kunjungan muhibah dengan Pengarah Agung WHO, Puan Yang Terutama Dr. Margaret Chan.

Oleh : Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan

penjagaan kesihatan asasi," ujar Yang Berhormat.

Agenda Matlamat Pembangunan Milenium masih memerlukan perhatian dan tindakan berterusan yang mana Negara Brunei Darussalam adalah komited untuk berusaha bagi memperkukuhkan lagi sistem penjagaan kesihatan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan melalui pendekatan yang lebih fokus, bersistematik dan holistik.

Pada akhir perhimpunan tersebut beberapa kesepakatan mengenai pelbagai isu kesihatan awam dan global yang penting dipersetujui oleh negara-negara ahli seperti pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit yang antara lain meliputi penjagaan kesihatan mental, pencegahan kebutaan dan masalah penglihatan serta kurang upaya (*disability*); Mempromosi kesihatan sepanjang hayat; Kesiapsiagaan, pemantauan dan tindak balas terhadap penyakit-penyakit berjangkit termasuk usaha pembasmian polio dan malaria; dan Penguatkuasaan sistem penjagaan kesihatan.

Sehari sebelum Perhimpunan WHO ini, Menteri Kesihatan menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan Negara-negara Komanwel (Commonwealth Health Ministers Meeting) pada 19 Mei 2013 di Geneva.

Tema mesyuarat kali ini ialah 'Kesihatan Mental: Ke Arah Penglibatan Ekonomi dan Sosial' (Mental Health: Towards Economic and Social Inclusion) yang mengetengahkan

kepentingan kesihatan mental dalam usaha meningkatkan sosioekonomi.

Semasa di Geneva, Yang Berhormat juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Pengarah Agung WHO, Puan Yang Terutama Dr. Margaret Chan yang antara lain membincangkan usaha menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit di peringkat global serta kepentingan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran individu dan masyarakat untuk bersama-sama bertanggungjawab mengamalkan cara hidup sihat sepanjang hayat.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Kesihatan Republik Persekutuan Jerman, TYT Daniel Bahr, khususnya mengenai peningkatan pembangunan kapasiti profesional kesihatan serta pelaksanaan tatacara mengukuhkan Memorandum Persefahaman dalam bidang kesihatan antara kedua-dua buah negara yang telah dimeterai pada bulan April 2013.

Di samping itu, Yang Berhormat juga berkesempatan mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Kesihatan Republik Turkey, Tuan Yang Terutama Dr. Mehmet Muezzinoglu mengenai perkembangan dan pencapaian sistem penjagaan kesihatan serta berkongsi amalan-amalan terbaik seperti kawalan tembakau bagi melindungi kesihatan awam dan seterusnya meneroka bagi menubuhkan kerjasama dalam bidang kesihatan.

AMMY+3 bincang penglibatan belia serantau

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN bersama rakan dialog Republik Korea, Jepun dan China Mengenai Belia Keempat (AMMY+3) adalah kesinambungan kepada Mesyuarat AMMY Keempat yang dirasmikan pada hari sebelumnya.

Hadir pada pembukaan mesyuarat yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Gadong, di sini, ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah yang juga selaku Pengerusi

Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN.

Mesyuarat itu dipengerusi-kan bersama oleh Pengarah Am bagi Promosi Am Polisi Hal Ehwal Belia dan Penjagaan Kanak-kanak di Pejabat Kabinet Jepun, Tuan Yang Terutama Hidekazu Inagawa.

TYT Hidekazu Inagawa berkata Negara Jepun memper-ingati 40 tahun hubungan persahabatan dan kerjasama dengan ASEAN tahun ini.

Beliau juga menjelaskan bahawa mesyuarat yang menggalakkan pertukaran dalam kalangan generasi muda ini merupakan salah satu daripada lima prinsip baru

diplomasi Jepun yang digariskan oleh Perdana Menteri Shinzo Abe pada bulan Januari lalu.

Di bawah Fasa Kedua Program Pertukaran Belia Jepun yang bermula pada 2007, TYT berkata 10,000 golongan muda dari negara-negara anggota ASEAN telah dijadualkan melawat Jepun, manakala 480 golongan muda Jepun akan melawat Asia Tenggara.

Komuniti Sosio-Budaya ASEAN merupakan kerjasama sosio-budaya serantau yang merupakan salah satu dari tiga tunggak Komuniti ASEAN yang akan ditubuhkan pada 2015.

Dua tunggak utama lain ialah kerjasama keselamatan politik dan kerjasama ekonomi di antara negara-negara ahli ASEAN.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN semasa berucap pada pembukaan mesyuarat tersebut.

Tingkatkan usaha kesukarelawan, keusahawanan belia ASEAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Mohd. Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Sepanjang empat hari yang lalu menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan dari negara-negara anggota ASEAN serta China, Jepun dan Korea telahpun mengadakan beberapa siri me-

syuarat yang hanya diadakan sekali pada setiap dua tahun.

Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN bersama rakan dialog, Republik Korea, China dan Jepun (ASEAN+3) Mengenai Belia Ke-4 (4th AMMY+3) merupakan susulan kepada

fokus sebelumnya mengenai pembangunan sumber manusia di bawah Pengerusi Viet Nam yang mana mesyuarat kali ini menekankan mengenai kesukarelawan dan keusahawanan di kalangan belia.

Mesyuarat tersebut melahirkan kebimbangan mengenai pengangguran belia di negara kita dan sumbangan belia yang sejajar ke arah mewujudkan

Komuniti ASEAN pada 2015.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dalam Sidang Media yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Gadong.

Melalui mesyuarat tersebut

Menteri-Menteri ASEAN jelas Yang Berhormat telah meluluskan Deklarasi Bandar Seri Begawan pada Kesukarelawan dan Keusahawanan (Bandar Seri Begawan Declaration on Volunteerism and Entrepreneurship).

“Kami juga memandang serius mengenai isu pengangguran di kalangan negara-negara anggota, akibat daripada 'generasi berisiko' yang menjadi ciri jangka panjang dalam pasaran buruh. Jika ianya tidak ditangani, pengangguran boleh menyebabkan ketidakstabilan,” ujar Yang Berhormat.

Bagi mengukuhkan lagi ikatan persahabatan dan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN, beliau tegas Yang Berhormat perlu dipupuk dengan semangat penyayang menerusi kesukarelawan dalam bidang seperti pendidikan, alam sekitar, kesihatan dan bantuan bencana, khususnya yang melibatkan golongan profesional muda ASEAN (young ASEAN professionals).

Ini adalah intipati daripada inisiatif Brunei Darussalam untuk melancarkan kor sukarelawan belia ASEAN (ASEAN youth volunteer corps) untuk menambah program sukarelawan belia yang sedia ada.

Dalam melaksanakan kesukarelawan dan keusahawanan belia itu, Menteri-Menteri ASEAN jelas Yang Berhormat menekankan penglibatan dan penyertaan Republik China, Jepun dan Korea dalam kesediaan rakan-rakan “Plus Three” itu untuk terus memberikan sokongan dan kerjasama dalam Program Belia ASEAN.

Apa yang menggembarakan tambah Yang Berhormat, negara-negara ini datang dengan program dan inisiatif baru, di mana ianya akan memberikan lebih banyak peluang kepada belia dalam ASEAN untuk berinteraksi dan bekerjasama dengan belia di Republik China, Jepun dan Korea bagi memperolehi pengetahuan teknikal.

Mesyuarat yang telah berlangsung sejak Isnin lalu dan berakhir hari ini, bertemakan ‘Golongan Muda: Membangun Masa Depan ASEAN Hari Ini’ yang memfokuskan ke arah meningkatkan kesukarelawan dan keusahawanan dalam kalangan belia di Asia Tenggara.

Sidang Media turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa bergambar ramai bersama menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan dari negara-negara anggota ASEAN serta Republik China, Jepun dan Korea.

Daerah Temburong susun rancangan Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Khamis, 23 Mei. - Daerah Temburong mula menyusun perancangan bagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 dengan mengadakan Mesyuarat Pertamanya.

Mesyuarat yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar tersebut dipengerusi-kan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari

Keputeraan Kebawah DYMM Ke-67 Tahun bagi daerah tersebut.

Ketika berucap, Awang Suhara Fadzali menjelaskan setakat ini belum ada sebarang ketetapan mengenai acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-67 Tahun, selain Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali Khatam bagi ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung memandangkan sambutan pada tahun ini jatuh pada bulan Ramadan.

Namun, jelasnya, amatlah wajar dan bersesuaian untuk ahli-ahli jawatankuasa mengambil tindakan yang bersesuaian sebagai persediaan dan perancangan awal ke arah

memastikan sambutan tahun ini dapat dilaksanakan dengan baik, teratur, sempurna dan selamat.

Beliau juga berharap agar lebih banyak penglibatan dan penyertaan daripada kalangan belia di daerah ini bagi sama-sama memainkan peranan penting dalam menyemarakkan sambutan perayaan tahun ini, di samping banyak penglibatan dari sektor swasta dan persatuan serta pertubuhan bukan kerajaan.

Agenda mesyuarat antara lain meneliti dan mengesahkan kunci kira-kira Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66, Tahun 2012 bagi Daerah Temburong dan membubarkan Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM tahun lepas.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-67 Tahun bagi Daerah Temburong.

Mesyuarat juga melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan pengerusi-pengerusi bahagian serta pengerusi-pengerusi acara sempena sambutan tahun ini.

Juga dibincangkan ialah

format keberangkatan dan persembahan semasa keberangkatan baginda bercemar duli bersama rakyat dan penduduk di daerah ini.

Antara yang menyertai mesyuarat ialah ketua-ketua

cawangan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, perwakilan dari persatuan-persatuan beruniform dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Mesyuarat persiapan sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 telah menetapkan tarikh acara-acara sambutan perayaan tahun ini.

Menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan menjelaskan Majlis Doa Kesyukuran di Masjid-masjid, Surau-surau dan Balai-balai Ibadat akan diadakan pada waktu Zohor, 15 Julai 2013.

Ketika mempengerusikan mesyuarat kedua tersebut Yang Berhormat juga memaklumkan Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam akan diadakan pada 1 Julai manakala Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Seluruh Negara akan berlangsung pada 17 Ogos ini sementara Istiadat Perbarisan Kehormatan dan Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan serta Majlis Santap Malam akan diadakan pada 15 September nanti.

Selain itu, Yang Berhormat juga memaklumkan Majlis Santap Beruniform akan diadakan pada 17 September sementara Majlis Ilmu

dan Pameran bakal diadakan pada pertengahan bulan Oktober nanti.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menjelaskan sambutan perayaan termasuk gerai-gerai perayan dan pelbagai acara-acara lain di keempat daerah yang akan berlangsung sehingga September nanti.

Yang Berhormat menambah pelaksanaan bagi pembinaan dan pemasangan alat-alat perhiasan dan kelengkapan pintu-pintu gerbang dan bendera-bendera, lampu-lampu cucul dan perhiasan serta kain rentang dan 'vertical banner' hanya akan bermula pada awal bulan September.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu ketetapan itu ketika berucap mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam Ke-67 pagi tadi di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara.

Antara agenda mesyuarat ialah permakluman ketetapan tarikh-tarikh pelaksanaan acara-acara sambutan perayaan tahun ini termasuklah memaklumkan ketetapan tarikh majlis keberangkatan Kebawah DYMM ke daerah-daerah.

Mesyuarat dihadiri oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar selaku Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-67.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah, pegawai-pegawai eksekutif sektor swasta dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Kunjungan hormat ketua perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menerima kunjungan hormat Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Mohamed Saad Ibrahim Ebeid.

Majlis tersebut berlangsung di Bilik Mawar, Tingkat 4, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff.

Pada pertemuan tersebut, kedua-dua belah pihak berbincang mengenai peluang-peluang lain bagi meningkatkan kerjasama masa depan berdasarkan kepentingan bersama kedua-dua pihak.

Kunjungan hormat ini menandakan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menerima kunjungan hormat Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Mohamed Saad Ibrahim Ebeid.

persefahaman dan kerjasama yang erat di antara kedua buah negara dan merupakan satu peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan maklumat dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

TYT menyebarkan Surat Watikah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Mei 2013 lalu.

Tuan Yang Terutama Mohamed Saad Ibrahim Ebeid, 59 tahun, pernah berkhidmat sebagai Penolong Menteri dan Pengarah bagi Institusi Pengajian Diplomatik, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Arab Mesir dan TYT beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia.

Brunei - Singapura kukuhkan hubungan kepolisan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Hubungan antara Pasukan

Polis Diraja Brunei (PDB) dan Pasukan Polis Republik Singapura terus



SESI bergambar ramai bersama Singapura National Police Corps (NPCC) selepas ketibaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

diperkukuhkan dengan kedatangan lebih 40 Korps Kadet Polis Kebangsaan Republik Singapura (Singapore National Police Cadet Corps-NPCC) untuk lawatan sambil belajar ke negara ini.

Mengalu-alukan rombongan NPCC Republik Singapura di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini ialah Pegawai-pegawai Kanan Pasukan PDB dan Kementerian Pendidikan serta Kadet-Kadet Polis Diraja Brunei.

Semasa berada di negara ini, rombongan NPCC Republik Singapura itu akan dibawa melawat ke beberapa tempat menarik termasuk Pusat Outward Bound Brunei Darussalam dan Sekolah Vokasional Wasan.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Instruktur Kanan, Bahagian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Ronnie anak Kipli menjelaskan NPCC ini telah melakukan lawatan sulungnya ke negara ini pada 2011 dan kali kedua pada tahun 2012.

Ahli LEMHANNAS kunjungi Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Rombongan terdiri 36 ahli Lembaga Ketahanan Nasional Republik Indonesia (LEMHANNAS) mengadakan lawatan ke Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (JMMM), di Jalan Dewan Majlis, di sini.

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Jurutulis 1 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar berserta pegawai-pegawai di JMMM.

Semasa lawatan tersebut rombongan yang diketuai oleh

Naib Gebernor LEMHANNAS, Dede Rusamsi telah diberikan taklimat mengenai fungsi dan peranan JMMM yang disampaikan oleh Timbalan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Rombongan juga berpeluang mengajukan soalan dalam sesi soal jawab selain berkesempatan mengetahui lebih lanjut mengenai proses penggubalan satu-satu rang undang-undang pada MMN.

Lawatan kerja selama lima hari memberi peluang kepada rombongan untuk melihat Dewan Persidangan MMN.



ROMBONGAN terdiri 36 ahli Lembaga Ketahanan Nasional Republik Indonesia (Lemhannas) yang diketuai oleh Naib Gebernor Lemhannas, Dede Rusamsi mengadakan lawatan ke Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat, di Jalan Dewan Majlis.

Menyentuh mengenai lawatan sambil belajar ini katanya, kadet-kadet dari kedua-dua pihak diberikan peluang untuk berinteraksi dan belajar antara satu sama lain.

Antara objektif lawatan ialah untuk

meningkatkan persefahaman di antara Polis Belia kedua-dua buah negara, di samping memahami kerja-kerja penubuhan Polis-Belia asing dan berinteraksi dengan belia yang mempunyai budaya berlainan.

Lapan projek Kementerian Pertahanan ditandatangani



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat berucap pada Majlis Menandatangani Kontrak Bagi Projek-Projek di bawah Kementerian Pertahanan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Mei. - Satu Majlis Menandatangani Kontrak di antara Kementerian Pertahanan dengan Pemborong bagi pelaksanaan pelbagai projek di bawah Kementerian Pertahanan berlangsung di Mes Pegawai Bolkliah Garison, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di

majlis tersebut Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Terdahulu tetamu kehormat berkesudian menyampaikan ucapan mengenai majlis berkenaan dan kemudiannya diteruskan dengan Upacara Menandatangani Kontrak dan Pertukaran di antara Kementerian Pertahanan dengan tujuh buah pemborong bagi lapan projek.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Pertahanan ialah Setiausaha Tetap (Pertahanan dan Pembangunan), Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohamad, manakala bagi pihak Pemborong adalah terdiri dari pengerusi atau pengarah setiap syarikat.

Antara senarai projek dan kontraktor yang terlibat adalah 1. Rejimen Pasukan Khas, Penanjong Garison - Pentadbiran dan Kemudahan Communal (Pemborong: W.L.W Developer and Trading Co Sdn Bhd); 2. Rejimen Pasukan Khas, Penanjong Garison - Kemudahan Latihan (Pemborong: Chuon Tzu Construction Company Sdn Bhd); 3. Pembangunan Akademi Pertahanan - Pakej 1 (Pemborong: L.C.Y Development Sdn Bhd); 4. Pembangunan Akademi Pertahanan - Pakej 2 (Pemborong: ATH Niagabena Sdn Bhd); 5. Pengembangan Simpanan Peluru, Kg. Kapok - Fasa II (Pemborong: SYARIKAT Kejuruteraan Sistemik Sdn Bhd); 6. Bunkers Binturan Ammunition dan



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa semasa hadir menyaksikan penandatanganan Kontrak bagi Projek-Projek di bawah Kementerian Pertahanan, bertempat di Mes Pegawai Bolkliah Garison.

Letupan Fasa 1 (Pemborong: LSL Sdn Bhd); 7. Cadangan New MRS - Hospital Tentera (Pemborong: Sri-Ski Engineering and Construction Sdn Bhd) dan 8. Cadangan Pusat Pergerakan Udara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (Pemborong: LSL Sdn. Bhd).

Hadir sama dalam majlis tersebut Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, serta ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Pengarah dan kakitangan Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, perunding dan pihak kontraktor.



MAJLIS Menandatangani Kontrak Bagi Projek-Projek di bawah Kementerian Pertahanan.

Pupuk minat membaca tanggungjawab semua

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Semua pihak khususnya agensi-agensi kerajaan, organisasi swasta dan masyarakat seluruhnya diseru supaya akan dapat sama-sama berganding bahu dalam usaha memupuk dan menyemai minat suka dan gemar membaca kepada segenap golongan masyarakat khususnya dalam kalangan belia, remaja, muda-mudi dan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berkata perkara tersebut perlu dalam sama-sama membantu kerajaan untuk mencapai Wawasan Negara 2035 iaitu ke arah kehidupan lebih berkualiti, berdaya saing dengan begitu berkesan dalam nilai-nilai pembelajaran, budaya murni yang melahirkan generasi berpengetahuan dan mantap dari segi akhlak, keperibadian dan jati diri.

Datin Paduka membuat seruan tersebut semasa berucap di Peraduan Mari Bercerita Peringkat Negara 2013 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Terdahulu Datin Paduka berkata, salah satu tanda untuk menentukan tinggi rendahnya kemajuan tamadun sesebuah bangsa dan negara adalah melalui kuantiti dan kualiti pembacaan rakyat dan penduduknya kerana buku mempunyai pelbagai disiplin yang mampu melahirkan manusia dalam berbagai kepakaran dan kemahiran.

Datin Paduka menambah, masyarakat yang berilmu dan disokong pula dengan akhlak mulia serta berketerampilan akan memastikan warganegara terus cemerlang dan berjaya, baik di negara sendiri mahupun di persada antarabangsa.

“Yakinlah bahawa suatu tamadun



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa menyampaikan piala kepada johan Peraduan Mari Bercerita, Awang Izz Fikry bin Haji Hazman dari Sekolah Rendah Merangkings, Ulu Belait.

atau bangsa hanya dapat dibina melalui masyarakat yang mengamalkan budaya ilmu,” jelasnya.

Kaedah yang utama bagi menerapkan budaya ilmu, jelas Datin Paduka, ialah melalui tabiat membaca yang berterusan untuk dijadikan sebagai anak kunci yang boleh membuka semua gedung ilmu pengetahuan yang besar lagi indah di dalamnya tersembunyi berbagai-bagai khazanah untuk manusia.

Budaya membaca, tegas Datin Paduka perlu dipupuk dalam setiap insan sejak di usia yang muda.

Ada yang mengatakan jelas Datin Paduka, membaca kepada kanak-kanak semasa ia dalam rahim adalah cara yang terbaik untuk mengilhamkan kanak-kanak itu supaya suka membaca.

Menyentuh mengenai usaha seperti Peraduan Mari Bercerita bagi kanak-kanak Brunei yang berumur di antara 9 hingga 12 tahun, Datin Paduka berkata ianya merupakan kegiatan yang baik dalam usaha untuk meningkatkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Brunei.

Datin Paduka penuh yakin dengan adanya usaha yang berterusan akan dapat memasyarakatkan budaya suka dan gemar membaca dalam kalangan generasi kanak-kanak.

Kanak-kanak jelas Datin Paduka merupakan *pelaburan* yang sangat penting dalam menjana perkembangan dan pembangunan pesat negara pada masa akan datang kerana mereka dianggap sebagai satu aset penting bagi menggantikan barisan kepimpinan masa depan dan bakal menjadi pemimpin ummah dan mencorak keunggulan Islam sebagai agama sejagat.

Dengan itu belia tegasnya penting diberikan didikan dengan betul dan sempurna.

“Apa yang kita harapkan melalui rancangan-rancangan dan projek-projek untuk kanak-kanak seperti peraduan ini ialah untuk melahirkan dan membentuk generasi kanak-kanak Brunei yang berilmu, berakhlak tinggi, taat kepada raja, patuh kepada suruhan agama dan hormat kepada ibu bapa dan orang tua,” ujar Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, jelasnya akan terus meningkatkan usaha memasyarakatkan budaya suka dan gemar membaca dalam kalangan masyarakat di negara ini khususnya yang melibatkan tunas bangsa dan para belia tanah air yang akan menjadi pewaris dan penentu hala tuju negara di masa akan datang.

Pelajar disaran fokus pada pendidikan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 11 Mei. - Seramai 33 pelajar Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMHS) Bangar Tahun 2012 menerima Hadiah Cemerlang BC GCE 'O' Level dan IGCSE 2012 pada majlis yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Dari jumlah tersebut 10 pelajar merupakan penerima Hadiah Cemerlang bagi 'Student Progress Assessment' (SPA) 2012 yang mana ada di antara mereka yang menerima hadiah cemerlang lebih daripada satu bagi dua kategori iaitu Kategori Penuntut Cemerlang secara memperoleh kredit yang banyak dan cemerlang dari segi mata pelajaran.

Penyampaian Hadiah Cemerlang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi.

Ketika berucap pada majlis itu, Awang Haji Abd. Rahman menasihatkan para pelajar agar fokus pada pendidikan dan jangan terpengaruh dengan anasir-anasir yang cuba melalaikan pembelajaran yang berfokuskan pada pendidikan.

Awang Haji Abd. Rahman berharap para pelajar yang diraikan akan terus mencapai kecemerlangan dan beliau mengambil maklum bahawa para pelajar yang telah menamatkan BC GCE 'O' Level di SMHS akan meneruskan pembelajaran mereka di Bandar Seri Begawan dan akan melalui satu fasa yang sangat mencabar.

Majlis seumpamanya merupakan penghargaan atau pengiktirafan kepada para pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam akademik masing-masing dan sebagai motivasi kepada para pelajar lain agar mereka mampu melakukan seperti para pelajar yang menerima anugerah pada majlis itu.



PEMANGKU Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi semasa menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar cemerlang.

Kerjasama erat Brunei – Singapura sentiasa terjalin

Oleh : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad
Foto : Jabatan Penerangan



NEGARA Brunei Darussalam dan Republik Singapura mempunyai hubungan yang telah lama terjalin walaupun sebelum hubungan diplomatik secara rasmi diperkenalkan pada tahun 1984 di mana kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam bidang pertahanan, kewangan, perdagangan dan pelaburan, pelancongan, kesihatan, pendidikan dan sukan.

Justeru itu, kedua-dua pemimpin negara juga sering berbalas-balas mengadakan lawatan rasmi yang mana kali terakhir Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membuat lawatan rasmi ke Republik Singapura ialah pada 15 - 17 Februari 2012 bagi menghadiri Pertunjukkan Udara Singapura Kali Ke-3, manakala Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tony Tan bersama isterinya mengadakan lawatan rasminya ke Negara Brunei Darussalam pada 28 - 30 Mei 2013.

Bukan itu saja, Brunei - Singapura juga aktif dalam pertukaran lawatan dalam semua peringkat dan satu program Lawatan Pertukaran Brunei - Singapura (BSEV) telah dilancarkan pada tahun 1990, bertujuan untuk menggalakan para pemimpin, penjawat am dan sektor swasta berinteraksi dalam suasana yang tidak formal.

Ke arah ini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan menyertai serta mengetuai delegasi negara ke BSEV kali ke-15 yang di jangka akan berlangsung pada 31 Oktober - 2 November 2013.

Sementara itu, Program Pertukaran Echelon Kedua telah dilancarkan pada tahun 2002 untuk meningkatkan peluang bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam meningkatkan hubungan dan rangkaian antara satu sama lain dan pada 5 November 2012, Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan Program Echelon Kedua kali ke-10.

BIDANG EKONOMI

Pada tahun 2011, Republik

Singapura ialah rakan perdagangan terbesar ketiga negara selepas Republik Korea dan Jepun, serta yang pertama bagi rantau ASEAN, diikuti dengan Negara Malaysia dan Republik Indonesia dan bahan-bahan perdagangan utama itu ialah bahan kimia, bahan api, mineral, barangan perkilangan, jentera dan kelengkapan pengangkutan.

Pada masa ini, sebanyak 11 buah syarikat usahasama Brunei - Singapura yang didaftarkan dibawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sementara itu, Konsultan Lapangan Terbang Changi Singapura Pte. Ltd dan AECOM Asia Company Ltd. merupakan organisasi yang bertanggungjawab menjadi konsultan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dalam usaha mereka untuk menaik taraf dan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang di jangka siap pada bulan November 2014.

Perjanjian Saling Pertukaran Matawang (Currency Interchangeability Agreement- CIA):

Brunei Darussalam dan Republik Singapura berkongsi guna sama nilai mata wang seperti yang telah ditandatangani oleh Lembaga Matawang Brunei dan Lembaga Pesuruhjaya Mata Wang Singapura di Currency Interchangeability Agreement pada 12 Jun 1967.

Melalui perjanjian tersebut membolehkan matawang Dolar Brunei dan Dolar Singapura dapat ditukar tanpa sebarang pembayaran di kedua-dua buah negara dan ianya bermakna matawang tersebut dapat ditukar secara bebas.

Dengan termeterainya perjanjian itu telah membawa manfaat kepada ekonomi dan mengukuhkan hubungan kewangan bagi Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dengan memudahkan perdagangan dua hala, pelaburan dan pelancongan.

Pada 12 Jun 2007, kedua buah negara ini telah menyambut ulang tahun ke-40 perjanjian tersebut dan untuk menandakan acara penting itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Perdana Menteri Republik Singapura, TYT Lee Hsien Loong bersama-sama melancarkan wang nota peringatan bernilai \$20 yang dikeluarkan oleh kedua-dua negara dalam satu majlis yang diadakan di Istana Nurul Iman pada 27 Jun 2007.

Dan untuk sempena memperingati ulang tahun ke-45 perjanjian tersebut, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Autoriti Monetari Singapura (AMS) telah melancarkan sampul surat khas dan setem peringatan bersama pada 27 November 2012.

BIDANG PENDIDIKAN

Kerjasama dalam bidang pendidikan menunjukkan sangat cemerlang

dengan adanya pertukaran para pelajar dan guru, program berkembar, lawatan sambil belajar, kursus-kursus, seminar-seminar serta penempatan kerja dan satu memorandum persefahaman mengenai kerjasama pendidikan telah ditandatangani pada tahun 2006.

Dan melalui bidang ini juga, Kerajaan Negara Brunei Darussalam juga ada menghantar pelajar-pelajar ke Republik Singapura untuk melanjutkan pelajaran bagi melahirkan pelajar yang berpotensi untuk pembangunan negara dan seterusnya bakal pemimpin masa depan.

Penghantaran pelajar-pelajar Brunei ke Republik Singapura bermula sekitar tahun 1950-an ke Raffles Institution dan menjelang pertengahan 1950-an, ramai pelajar dari aliran agama (Bahasa Arab) telah di hantar belajar di Madrasah Al-Junied Singapura.

Setakat ini, seramai 30 pelajar negara yang mengikuti pengajian dipelbagai institusi pendidikan di republik itu dan seramai lima pelajar persendirian Republik Singapura pula belajar di Universiti Brunei Darussalam.

Manakala, sebanyak 12 tenaga pengajar warganegara Singapura yang bekerja di negara ini yang masing-masingnya ditempatkan di Insitut Teknologi Brunei dan sekolah-sekolah Kerajaan dan Swasta.

BIDANG PERTAHANAN

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura juga berkongsi hubungan pertahanan yang kukuh dan lama.

Pada awal tahun 1970-an, Kebawah DYMM telah menandatangani satu perjanjian dengan Republik Singapura untuk memberi kebenaran Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) mengadakan latihan dan penempatan di Daerah Temburong.

Dalam bidang ini juga menunjukkan kerjasama Brunei dan Singapura ini sangat mengagumkan yang mana kedua-dua belah pihak sering mengadakan latihan ketenteraan sejak tahun 1979.

Selain daripada latihan-latihan biasa yang tentera SAF jalankan di Negara Brunei Darussalam, kedua-dua pertubuhan pertahanan juga menjalankan pelbagai latihan dua hala dan pertukaran profesional, yang mempunyai peningkatan profesionalisme dan mengukuhkan hubungan antara kedua-dua angkatan tentera.

Justeru itu lagi, beberapa siri dialog antara Kementerian Pertahanan dari kedua buah negara juga sering

diadakan bagi menyaksikan kedua-dua pihak menegaskan komitmen mereka untuk mengukuhkan lagi hubungan pertahanan dan turut membincangkan pencapaian dan hala tuju serta berkongsi dan bertukar-tukar pandangan mengenai keselamatan serantau.

Dialog tahunan dasar pertahanan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura bertujuan untuk meningkatkan kerjasama pertahanan menerusi perbincangan, pertukaran maklumat dan meneroka kerjasama praktikal di bidang baru yang, terutamanya di peringkat strategik.

Tambahan lagi, kedua buah negara juga menjalin kerjasama dalam latihan penempatan bakal-bakal pegawai polis untuk mengadakan latihan di Republik Singapura.

Pada 3 Januari 2013, Pesuruhjaya Polis Pasukan Polis Diraja Brunei (RBPF), Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu telah dianugerahkan Perkhidmatan Pesanan Cemerlang (Darjah Utama Bakti Cemerlang) oleh Presiden Republik Singapura, TYT Tony Tan Keng atas sumbangan beliau memupuk hubungan baik dan kerjasama antara RBPF dan Pasukan Polis Singapura (SPF).

Sehubungan itu lagi, Latihan BruSing kali ke-20 telah diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 25 - 28 Mac 2012 dan selepas itu menyusul pula Mesyuarat Dua Hala Tahunan kali ke-8 dan Sukan Interforces kali ke-8 juga telah diadakan pada 28 - 30 Mac 2013, yang antara lainnya bertujuan untuk menjalin hubungan yang lebih erat antara RBPF dan SPF.

BIDANG KESIHATAN

Pada bulan Mei 2013, kedua-dua buah negara telah memperbaharui memorandum persefahaman mengenai kerjasama kesihatan yang pada awalnya ditandatangani pada 9 Februari 2007.

Mengikut statistik yang dijalankan pada bulan Januari hingga Jun bagi tahun 2012, seramai 145 pesakit yang menjalani rawatan di Republik Singapura dicatatkan bagi kes-kes penyakit, iaitu 12 pesakit jantung cardiovascular; 83 pesakit kanser; 46 pesakit bagi menjalani pembedahan dan selebihnya ialah pesakit yang menjalani rawatan mata.

Pada masa ini juga, seramai 16 pegawai perubatan negara menjalani latihan perkhidmatan dalam pelbagai kepakaran di sana.

BIDANG BELIA & SUKAN

Pada 8 Disember 2012, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Ketua Eksekutif Mercy Relief (Pertubuhan Bukan Kerajaan), Hassan Ahmad bersetuju untuk menubuhkan Kontinjen Belia Brunei - Singapura yang bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja per-tolongan kemanusiaan di kalangan masyarakat yang kurang bernasib baik di seluruh Asia Tenggara.

Dalam bidang sukan pula, hubungan kerjasama kedua buah negara khususnya dalam sukan bola sepak amatlah sangat ketara dan mengagumkan di mana Persatuan Bolasepak Singapura sering kali mengundang penyertaan kepada satu-satunya kelab bola sepak profesional tempatan, Kelab Bolasepak Duli Pengiran Muda Mahkota (DPMM FC) untuk menyertai kejohanan-kejohanan berprestij di sana.

Penyertaan DPMM FC ke kancak bola sepak Singapura bukanlah sesuatu yang baru, kerana sejak tahun 2004 lagi, pasukan tersebut mula mengikuti beberapa siri kejohanan di sana dan pada tahun 2009 bermulalah penyertaan DPMM FC ke Liga Singapura, iaitu antara liga bolasepak terbaik di benua Asia.

KERJASAMA PELBAGAI BIDANG

Kerjasama antara Brunei - Singapura bukan sahaja meliputi ekonomi, pendidikan, pertahanan, kesihatan bahkan juga belia dan sukan. Hubungan erat antara kedua-dua buah negara memberi manfaat kepada kedua-dua pihak untuk terus melanjutkan hubungan ini supaya setiap pembangunan yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jaya terutama sekali bagi negara kita, Negara Brunei Darussalam.

ANTARA BEBERAPA PERJANJIAN YANG DIMATERAI

9 Mei 2012 : Perjanjian Memorandum Persefahaman untuk Projek Kerjasama Pembangunan Beras Hibrid antara Brunei dan Sunland Agri-Tech Sdn. Bhd, Singapura.

Oktober 2010 : Satu perjanjian di antara BEDB dan TEE International Limited untuk membina rumah di bawah Skim Perumahan Negara Brunei Brunei Darussalam.

11 Mei 2010 : Satu perjanjian antara Royal Brunei Airlines (RBA) Singapore Airlines untuk menyewa enam buah kapal terbang jenis Boeing 777.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong semasa Menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 yang diadakan di Bandar Seri Begawan.



PERDANA Menteri Republik Singapura, TYT Lee Hsien Loong semasa mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) di Daerah Temburong.

Halalkah Makanan Yang Mempunyai Kesan Najis?

Sambungan dari keluaran lepas

Tanaman Yang Dibaja Atau Disiram Dengan Najis

PADA dasarnya, perbuatan menyuburkan tanam-tanaman dan sayur-sayuran dengan baja daripada tahi hukumnya adalah makruh, sebagaimana pendapat Imam ar-Ramli *Rahimahullah Ta'ala*. Bagaimanapun, menurut ulama hukum memakan tanaman dan buah-buahan yang disiram (dibaja) dengan air najis adalah halal dan tidak makruh. Begitu juga, tidak makruh memakan biji-bijian yang ditanam pada benda-benda najis seperti tahi atau selainnya, kerana tiada nyata kesan najis atau tahi itu pada biji-bijian dan tumbuhan tersebut. Bagaimanapun, menurut Imam az-Zarkasyi *Rahimahullah*, jika nyata kesan perubahan pada tanaman itu disebabkan najis tersebut, seperti tanaman itu berbau najis, maka hukum memakan tanaman yang dibaja dengan tahi adalah makruh.

Begitu juga, sayur-sayuran yang subur dengan baja daripada najis *mughallazah* hukumnya tidak makruh dimakan, melainkan jika sayur itu berubah (bau, rasa atau warna) dengan ada kesan najis itu.

Sekalipun demikian, perlu juga diketahui bahawa setiap daripada sayuran atau buah-buahan yang terkena zat najis itu adalah mutanajjis, iaitu yang terkena najis. Oleh yang demikian, jika zat najis itu masih ada pada sayuran atau buah itu, maka hendaklah dibersihkan terlebih dahulu. Cara membersihkannya ialah dengan dibasuh dengan air, iaitu setelah dihilangkan terlebih dahulu zat dan sifat-sifat najis.

Manakala bagi najis *mughallazah*, seperti najis babi, maka cara membersihkannya atau menyucikannya ialah dengan disirtu. Caranya ialah bahagian yang terkena najis itu hendaklah dibasuh sebanyak 7 kali dengan air *muthlaq*, salah satu daripadanya hendaklah air yang bercampur dengan tanah yang suci dengan kadar sekira-kira keruh air tersebut. Perlu juga diingat, jika masih terdapat zat najis, maka hendaklah terlebih dahulu dihilangkan zat najis itu kemudian barulah dilakukan sirtu.

Binatang *al-Jallalah*

Menurut ad-Dumairi *Rahimahullah*, *al-jallalah* bermaksud binatang yang makan najis dan tahi, sama ada banyak atau sedikit, daripada unta, sapi, kambing, ayam, angsa, ikan atau selainnya dari binatang yang boleh dimakan. Antara contoh mudah berkenaan perkara ini ialah binatang yang dikurung atau ditempatkan dalam suatu kawasan tertentu, seperti ikan peliharaan dalam kolam buatan, yang diberi makan dengan najis sepenuhnya atau secara berkala.

Hukum mengenai binatang *al-jallalah* telah disebutkan dalam hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* bahawa Baginda melarang memakan binatang *al-jallalah* dan meminum susu binatang itu sehinggalah (menjadi) baik dagingnya dengan cara ia diberikan makanan yang bersih selama empat puluh hari.

Menurut pendapat *al-ashah*, (yang lebih diperakukan) hukum memakan daging binatang *al-jallalah* adalah makruh, jika berlaku perubahan pada daging binatang tersebut, sekalipun hanya sedikit. Maksud perubahan di sini ialah kesan daripada binatang *al-jallalah* itu memakan najis, seperti dagingnya berbau najis, dan termasuklah rasanya atau warnanya. Seperti mana dimakruhkan memakan dagingnya, dimakruhkan juga meminum susunya, memakan telurnya dan keseluruhan bahagian daripadanya. Demikian juga, adalah makruh hukumnya menunggang binatang *al-jallalah* tanpa sebarang lapik.

Tanda atau alamat bahawa binatang *al-jallalah* itu terkesan dengan pemakanannya daripada najis dan kotoran antaranya ialah perubahan pada baunya dan peluhnya yang busuk.

Oleh yang demikian, jika didapati perubahan pada binatang *al-jallalah*, maka tempoh masa yang diambil untuk menghilangkan kesan atau bau pada daging binatang *al-jallalah* dan menjadikan dagingnya baik, menurut pendapat ulama pada adat kebiasaannya bagi unta adalah selama 40 hari, lembu selama 30 hari, kambing selama 7 hari dan ayam selama 3 hari.

Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa

bilangan hari yang disebutkan di atas bukanlah suatu had kemestian untuk ditepati. Ini hanyalah merupakan jangkaan, kerana pada kebiasaannya dalam tempoh ini kesan najis, seperti bau najis pada daging *al-jallalah* akan hilang.


Demikian juga sekatan pemberian makanan binatang *al-jallalah* hanya dengan pemakanan yang suci. Sekiranya binatang *al-jallalah* yang berbau itu diberi makan dengan benda yang suci seperti rumput-rumput yang suci, mahupun yang terkena najis seperti makanan ternakan yang terkena air najis atau terkena benda najis, ataupun tidak diberikan apa-apa makanan, lalu menghasilkan daging yang baik dan hilang baunya, sekalipun kurang daripada 40 hari atau seperti mana tempoh lain yang telah disebutkan, maka daging binatang *al-jallalah* ini adalah halal dan tidak dihukumkan makruh untuk dimakan.

Jika binatang *al-jallalah* itu hanya dibasuh (dibersihkan) untuk menghilangkan perubahan tersebut tanpa menjalani proses seperti di atas, maka ia masih dihukumkan makruh untuk dimakan, sekalipun dengan perbuatan tersebut berhasil menghilangkan kesan perubahan itu.

Selain itu, jika daging binatang *al-jallalah* yang berubah pada rasa, bau atau warna itu dibasuh, dimasak atau dibiarkan sahaja untuk suatu tempoh masa, maka dalam hal ini ia masih juga dihukumkan makruh untuk dimakan, sekalipun dengan perbuatan tadi berhasil menghilangkan kesan perubahan itu.

Sebaliknya, jika tiada berlaku sebarang perubahan pada daging *al-jallalah*, maka tidak dihukumkan makruh memakannya, sekalipun binatang *al-jallalah* itu tidak memakan selain najis sahaja.

Perlu diketahui bahawa menurut ulama, kambing biri-biri dan binatang selainnya, yang ditenak sebagai sumber bahan makanan, adalah makruh diberikan makanan atau minuman daripada benda (zat) najis. Akan tetapi larangan (makruh) ini tidak termasuk bahan makanan yang *mutanajjis*, iaitu yang terkena najis. Selain itu, menggunakan bahan-bahan najis sebagai sumber makanannya membawa kepada perkara makruh kerana apabila ternakan itu memakan bahan-bahan najis, ia boleh membawa kepada perubahan



sifat dagingnya. Maka kerana ini ia dihukumkan makruh.

Demikian juga perubahan pada daging binatang *al-jallalah* itu bukan sahaja disebabkan kesan sumber pemakanannya daripada benda najis, akan tetapi perubahan itu juga boleh berlaku kesan daripada kesan sumber minumannya. Oleh yang demikian, binatang ternakan seperti anak kambing biri-biri yang diminumkan susu anjing atau khinzir, jika berlaku perubahan pada dagingnya, maka hukumnya adalah serupa dengan binatang *al-jallalah*.

Malahan jika didapati perubahan pada daging dan telur binatang sembelihan biasa yang bukan *al-jallalah*, seperti perubahan bau busuk, maka menurut pendapat yang shahih, daging ini juga dihukumkan makruh memakannya. Memakan sesuatu yang mengakibatkan bau busuk seperti memakan bawang mentah, petai, jering dan seumpamanya yang sangat-sangat berbau busuk itu juga dihukumkan makruh.

Sebagai kesimpulan, mengetahui pemakanan halal dan yang haram merupakan tanggungjawab setiap individu Islam dan *fardhu 'ain*. Sekalipun makanan atau minuman itu halal dan suci, ada kalanya ia dihukumkan makruh atau haram seperti mana yang dijelaskan dalam contoh-contoh di atas. Mudah-mudahan dengan penjelasan, tunjuk ajar serta langkah-langkah yang dinyatakan di atas, dapat menghindarkan kita daripada memakan sesuatu yang diharamkan atau dimakruhkan.

WALLAHU'ALAM

Teladani sifat dermawan Sayidatina Zainab Radiallahuanha



DALAM satu riwayat, Aisyah Radiallahuanha menceritakan, pada suatu hari para isteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada Baginda, siapakah di antara mereka yang paling cepat menyusul Baginda kembali ke rahmatullah. Rasulullah memberitahu bahawa antara isteri-isteri Baginda yang cepat menyusul baginda kembali ke rahmatullah adalah dia yang paling *panjang tangannya*.

Sebaik sahaja mereka mendengar jawapan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, mereka pun bergilir-gilir untuk mengukur tangan mereka masing-masing. Lalu, mereka dapati bahawa isteri Baginda yang bernama Sayidatina Sa'odah Radiallahuanhalah yang tangannya lebih panjang dari kalangan isteri-isteri Rasulullah yang lain.

Tetapi selepas beberapa ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam wafat, tiba-tiba mereka dapati antara mereka yang segera menyusul Rasulullah kembali ke rahmatullah bukannya Sayidatina Sa'odah, tetapi ialah

Sayidatina Zainab Radiallahuanha. Dengan peristiwa itu mereka memikirkan semula apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan *panjang tangan* oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu.

Mengikut riwayat, Zainab binti Jahsy adalah seorang wanita yang pemurah dan dermawan. Beliau terkenal suka menolong anak-anak yatim, dan tempat berlindung para fakir miskin. Sayidatina Zainab rajin bekerja, mengumpul upahny sebagai harta yang halal, lalu membelanjakannya di jalan Allah Subhanahu Wata'ala untuk meringankan beban hidup anak-anak yatim, janda-janda miskin dan orang-orang yang lebih memerlukan.

Hal itulah yang menyebabkan Sayidatina Zainab adalah antara isteri Rasulullah yang banyak bersedekah dari isteri-isteri Rasulullah yang lainnya. Bahkan setelah Rasulullah wafat, Sayidatina Zainab memperbanyak lagi usahanya, agar dapat melipatgandakan harta dengan titik peluhnya sendiri untuk disedekahkan kepada anak yatim piatu dan golongan fakir miskin. Malah ketika Sayidatina Zainab meninggal dunia, ia tidak meninggalkan harta warisan sedikit pun, meskipun hanya wang satu dirham atau satu dinar, sebaliknya dia menginfakkan semua harta yang dimilikinya di jalan Allah.

Dengan demikian, maka fahamlah para *ummahatul mu'minin* bahawa yang dimaksudkan suami tercinta mereka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan *panjang tangan* itu bukanlah ukuran pada fizikal yang panjang,

sebaliknya ia membawa erti tangan yang banyak menderma, memanjangkan tangan membantu dan berbuat kebajikan untuk meringankan penderitaan dan kesusahan orang lain.

Maka dapat kita fahamkan bahawa peribahasa *panjang tangan* yang dimaksudkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu ialah orang yang paling banyak bersedekah dan berusaha dengan tangan sendiri. Ini amat berbeza dengan peribahasa orang Melayu *panjang tangan* yang membawa maksud mengambil harta benda orang lain di luar pengetahuan pemiliknya, atau dalam kata lain mencuri.

Daripada kisah Sayidatina Zainab Radiallahuanha itu dapatlah kita ambil iktibar dan jadikannya sebagai teladan dalam hidup kita sebagai umat Islam. Marilah kita memperbanyakkan amalan bersedekah di jalan Allah kerana amalan bersedekah sememangnya mempunyai kelebihan. Tidak rugi orang yang memberi sedekah hartanya kepada orang yang memerlukan dengan disertakan keikhlasan, kerana pasti akan diganti oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al Baqarah ayat 272 yang tafsir-Nya:

“Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka pahalanya itu untuk kamu sendiri. Dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keredaan Allah. Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan nescaya kamu akan diberikan pahalanya dengan cukup sedang kamu sedikit pun tidak dianiaya.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, yang maksudnya:

“Peliharalah dirimu dari api Neraka dengan bersedekah (walaupun) hanya dengan sebiji tamar (kurma), dan kalau tidak menemukan sesuatu, maka keluarkanlah kata-kata yang baik.”

Berdasarkan ayat dan hadis tersebut jelaslah bahawa orang yang mengeluarkan hartanya untuk mendekatkan diri kepada Allah, hartanya bukan semakin habis, sebaliknya bertambah-tambah tanpa disangka-sangka. Oleh itu kita jangan ragu-ragu untuk bersedekah. Bersedekah meskipun sedikit tetapi nilainya amat berharga di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang dermawan. Orang yang bermurah hati mendermakan atau memberi sedekah daripada sebahagian harta yang dikurniakan Allah berikan kepada mereka adalah mereka yang memelihara hak-hak anak yatim, orang miskin dan fakir.

Orang yang memberikan sedekah daripada sebahagian hartanya kepada orang yang memerlukan adalah sangat dekat kepada Allah. Sedangkan orang yang enggan memberi sedekah dari sebahagian hartanya sangat jauh dari rahmat-Nya. Orang yang bersedekah diibaratkan orang yang menabung di sisi Allah dengan jalan meminjamkan pemberiannya kepada Allah. Balasan yang akan diperolehi berlipat ganda. Mereka tidak akan rugi meskipun pada awalnya mereka kehilangan sesuatu.

Kolej IGS pelbagaikan perkembangan pendidikan selaras SPN21

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Berasaskan kepada legasi Pengasas Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (IGS) akan berusaha untuk mempelbagaikan perkembangan pendidikan akan diteruskan dan dipertingkatkan selaras dengan perkembangan penyusunan pelajaran Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) Brunei Darussalam Technical dan Vocational Education Council (BDTVEC).

Ini juga berbanding pada rancangan perkembangan tenaga sumber manusia, perkembangan ekonomi dan keperluan sektor-sektor swasta selain dari kemudahan-kemudahan prasarana, peralatan serta keupayaan sumber tenaga manusia.

Pegawai Eksekutif IGS, Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin menyatakan perkara tersebut semasa menyebarkan ucapan alu-aluan sempena Majlis Konvokesyen IGS di Dewan Utama Persidangan, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut beliau, seramai 1,267 pelajar sedang mengikuti pelbagai kursus di kolej secara sepenuh masa dan juga sambilan.

Beliau menambah, seramai 24 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda, 45 graduan menerima Diploma Lanjutan (HND); 28 graduan menerima Diploma Kebangsaan (ND) dan 87 graduan Pra Diploma

“KOLEJ IGS berasa bangga di atas pengiktirafan yang diberikan oleh Jawatankuasa Majlis Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BDTVEC) menganugerahkan Pelajar Terbaik kepada salah seorang graduan HND.”

- Pegawai Eksekutif IGS,
Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran
Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin

Kebangsaan (PND).

Sebanyak empat kategori Anugerah Pelajar Terbaik dianugerahkan kepada dua orang graduan Ijazah Sarjana Muda, seorang graduan HND dan PND.

“Dua graduan dari Ijazah Sarjana Muda menerima Anugerah Tan Seri Dato Paduka Lim Kok Wing dan dua graduan dari HND dianugerahkan Biasiswa Pengiran Setia Jaya,” jelasnya.

Beliau menjelaskan, Kolej IGS berasa bangga di atas pengiktirafan yang diberikan oleh Jawatankuasa Majlis Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BDTVEC) menganugerahkan Pelajar Terbaik kepada salah seorang graduan HND.



SEBAHAGIAN para ibu bapa/penjaga dan keluarga mahasiswa dan mahasiswi yang menghadiri Majlis Konvokesyen IGS.

Graduan IGS bersyukur terima sekalung ijazah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Para graduan yang menerima Ijazah Sarjana Muda dan Diploma merasa bersyukur di atas penghargaan yang selama ini dinanti-nantikan.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Awang Haji Zainie bin Haji Suhaili dalam jurusan Bachelor of Business (Hons) in Administration yang bertugas sebagai Aviation Terminal Superintendent Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad turut merasa bersyukur dengan penganugerahan yang diterima.

Beliau menjelaskan banyak rintangan yang dihadapi selama dua tahun belajar sambil bekerja, tetapi tetap bersemangat dan berusaha dengan tekun untuk mencapai kejayaan.

Bagi beliau, masa begitu bermakna kerana beliau terpaksa membahagi masa untuk belajar dan keluarga, kalau dilihat masa untuk keluarga begitu terhad yang mana banyak ditumpukan pada pelajaran terutama jika ada peperiksaan.

“Alhamdulillah, apa yang saya harapkan dan mimpikan selama ini tercapai dan berharap agar apa yang saya perolehi selama di IGS akan memberikan lebih banyak pengetahuan yang berguna,” jelasnya.

Beliau menjelaskan minat untuk belajar perlu ada dan tanpa minat mungkin susah untuk berjaya, walau bagaimanapun usaha yang gigih amat diperlukan dan komitmen belajar seperti banyak bertanya, belajar bersama kawan-kawan yang lain dan sentiasa patuh peraturan kolej.

Jelas Awang Haji Zainie, selain itu motivasi dan pendorong semangat untuk belajar mesti ada dalam diri sendiri dengan adanya penganugerahan ini maka dapatlah menghasilkan mutu dan kualiti kerja yang sangat baik dan cemerlang.

Manakala Awang Muhammad

Aziman bin Haji Munawar dalam jurusan BSc (Hons) in Information Technology merasa bersyukur dan berbangga menerima sekalung ijazah.

Menurut beliau, usaha selama dua tahun untuk mendapatkan ijazah begitu mencabar kerana terpaksa membahagi masa belajar sambil bekerja yang mana beliau akan memulakan pembelajaran pada pukul 6.00 petang hingga 10.00 malam setiap hari kecuali hari Ahad.

“Bagi saya, keluarga amat penting untuk memberikan dorongan yang kuat, tanpa keluarga mungkin susah bagi saya untuk membahagikan masa dan menyarankan agar para pelajar tidak akan berhenti separuh jalan,” jelasnya.

Melalui penganugerahan ini, beliau berhasrat untuk menyambung pembelajaran ke peringkat tinggi lagi dan berusaha dengan gigih, rajin dan komited dalam mempertingkatkan lagi mutu pelajaran untuk masa hadapan dan menjalankan pekerjaan nanti.



AWANG Muhammad Aziman bin Haji Munawar dalam jurusan BSc (Hons) in Information Technology merasa bersyukur dan berbangga menerima sekalung ijazah.

Mencungkil bakat dalam bidang membaca Al-Qur'an

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 24 Mei. - Untuk mencungkil dan menggilap bakat ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dalam bidang membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an secara bertajwid dan bertarunum, persatuan tersebut telah mengadakan Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Lazim dan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Akhir Senegara Bagi Tahun

1434 Hijriah/2013 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan yang berlangsung di Dewan Kediarnan Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini, ialah isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Norfaridah binti Ahad.

Juga hadir ialah Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Penolong Ketua Pesuruhjaya PPNBD dan Pesuruhjaya Kerohanian persatuan

ANTARA lain pertandingan tersebut bertujuan memberikan galakan kepada ahli-ahlinya untuk sentiasa menjadikan Al-Qur'an sebagai bacaan harian secara berterusan supaya mereka akan dapat menjadikan pertandingan berkenaan sebagai persaingan yang sihat dan positif.

berkenaan.

Lebih 30 ahli PPNBD menyertai pertandingan yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kategori Tunas Puteri, Kategori Pandu Puteri / Ranger Ranger, Kategori Pemimpin Muda dan Kategori Pemimpin.

Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Lazim dan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Akhir Seluruh Negara PPNBD tahun ini merupakan aktiviti tahunan persatuan berkenaan yang diselenggarakan oleh PPNBD Cawangan Daerah Tutong.

Antara lain pertandingan tersebut bertujuan memberikan galakan kepada ahli-ahlinya untuk sentiasa menjadikan Al-Qur'an sebagai bacaan harian secara berterusan supaya mereka akan dapat menjadikan pertandingan berkenaan sebagai persaingan yang sihat dan positif.



SEORANG peserta dari ahli PPNBD yang menyertai Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Lazim dan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Akhir Senegara Bagi Tahun 1434 Hijriah/2013 Masihi semasa memperdengarkan bacaannya pada majlis tersebut.

Majlis Persantapan Negara raikan Presiden Republik Singapura

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail, Zawayatun Ni'mah Mohd. Akir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam serta rombongan yang dalam rangka Lawatan Negara selama tiga hari.

Majlis Persantapan Negara tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat sama di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Sebelum Majlis Persantapan Negara dimulakan, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah diikuti dengan ucapan balas daripada Presiden Republik Singapura.

Kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura sudah terjalin sejak sekian lama dalam pelbagai bidang.

Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang telah ditandatangani di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura pada tahun 1967 yang membolehkan Dolar Brunei dan Dolar Singapura diperlakukan pada nilai yang sama di kedua-dua buah negara yang memberikan manfaat terutama dalam memudahkan perdagangan, pelaburan dan pelancongan di antara kedua-dua buah negara.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam serta rombongan. (gambar atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Persantapan Negara.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan bergambar sama dengan Tuan Yang Terutama dan isteri, Puan Tan Keng Yam. Turut bergambar sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia beramah mesra dengan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam.




BERANGKAT sama di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

TATACARA MEMOHON JAWATAN BAHAGIAN 5 (TARIKH TUTUP IKLAN – 12 JUN 2013)


**PEMOHON YANG BUKAN BEKERJA DENGAN
KERAJAAN KOYMM
-> BELUM PERNAH MENDAFTAR
DI PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**



**PEMOHON YANG BUKAN BEKERJA DENGAN
KERAJAAN KOYMM
-> SUDAH PERNAH MENDAFTAR
DI PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**



**PEMOHON YANG SEDANG BEKERJA
DENGAN KERAJAAN KOYMM**



JADUAL UJIAN BERTULIS BAGI PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM BULAN JUN 2013

BIL.	JAWATAN/ TANGGAGAJI/ BIL. RUJUKAN IKLAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN	KEMENTERIAN/ JABATAN (KEKOSONGAN)	TARIKH (HARI)	JAM	TEMPAT	BILANGAN INDEKS	RAMAI CALON
1	Penolong Pegawai Perkembangan Ugama C.3 EB.4 2013/0015/02	7(A)	20.02.2013	Pusat Da'wah Islamiyah (1)	05.06.2013 (RABU)	08.30 Pagi	Dewan SPA, Tingkat 2	0001-0135	135
2	Penolong Pegawai Latihan C.3 EB.4-5 2013/0014/01		13.02.2013	Jabatan Kehakiman Negara (1)		02.30 Petang		0001-0171	171

NOMBOR . PROJEK:

13/DDS(CDE)B00410

YURAN TAWARAN :

\$125.00(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN DOKUMEN: \$125.00

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DI DALAM KELAS IV, (III, IV & V
KATEGORI KA01 SAHAJA**

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran : HARI SABTU,
22 Jun 2013 (Isnin)

Tarikh tutup pada : HARI SELASA
(2.00 -PETANG) - 2 JULAI 2013

BILANGAN TAWARAN :
JKR/DDS011/2013 - (CDE).T.IV

**TAJUK PROJEK: MENAIK TARAF
SISTEM SALIRAN DI KAWASAN
KAMPUNG JANGSAK**

NOMBOR . PROJEK:

13/DDS(CDE)K26195

YURAN TAWARAN :

\$500.00(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN DOKUMEN: \$5.00

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam** (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari **Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf (“JKR/DBSKB ...”) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KEBANKRAPAN NO. 104 TAHUN 2012
**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs
SHAHRIIN BIN ABD GHANI
(ABDB IC NO. 00-287958)
....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada
18 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
SHAHRIIN BIN ABD GHANI
No. 607, Jalan Kulapis, Kg. Batong Panchor
Murai, BH 2923
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 9 Mei 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
18 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **28 Mei 2013, pukul 9.30 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Mei 2013, pukul 9.30 pagi.**

Bertarikh : **6 Mei 2013**

KEBANKRAPAN NO. 413 TAHUN 2012
BAIDURI FINANCE BERHAD

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs
SALIHA BINTI MERUSIN
(BYIC NO. 00-065995)
....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada
16 Mac 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

SALIHA BINTI MERUSIN
No. 4, Spg 39-81, Lot 8315, Jalan Pandan 7,
Kuala Belait, ans/or care of Brunei Shell Petroleum Co Sdn Bhd, Kuala Belait KB3534
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 5 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
16 Mac 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **19 Jun 2013, pukul 9.45 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2013, pukul 9.45pagi.**

Bertarikh : **1 April 2013**

KEBANKRAPAN NO. 437 TAHUN 2012
HSBC FINCNC (B) BERHAD

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs
**MUHAMMAD GHAZALI
BIN HAJI TASIM**
(BYIC NO. 00-120431)
....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada
16 Mac 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

MUHAMMAD GHAZALI BIN HAJI TASIM
No. 11, Spg 74-59-108-6-11, STKRJ Kg. Mata-Mata Katok B, BE 1718
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 19 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
16 Mac 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **19 Jun 2013, pukul 9.30 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2013, pukul 9.30 pagi.**

Bertarikh : **1 April 2013**

KEBANKRAPAN NO. 230 TAHUN 2012
HSBC FINCNC (B) BERHAD

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

NURUL JAHLIYANA BINTI MOHD ASRI
(BYIC NO. 00-258704)

....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada 4 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

NURUL JAHLIYANA BINTI MOHD ASRI
No. 3, Spg. 438, Jalan Kuala Abang, Tutong TE 2743 Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 7 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
4 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **28 Mei 2013, pukul 11.00 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Mei 2013, pukul 11.00 pagi.**

Bertarikh : **6 Mei 2013**

KEBANKRAPAN NO. 727 TAHUN 2010
HSBC FINCNC (B) BERHAD

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

MOHD. YAAKUB BIN TAIB
(BYIC NO. 00-072531)

....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada
18 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

MOHD YAAKUB BIN TAIB
G19, No. 38, Spg 85, Lorong 3, Seria, KB 2933
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 28 Mac 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
18 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **28 Mei 2013, pukul 9.00 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Mei 2013, pukul 9.00 pagi.**

Bertarikh : **6 Mei 2013**

KEBANKRAPAN NO. 04 TAHUN 2012
BAIDURI BAIK BERHAD

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

**HAJAH SITI MAIMUNAH
BINTI AWG HAJI DAMIT**
(BYIC NO. 00-283982)

....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada
30 Mac 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

HAJAH SITI MAIMUNAH BINTI AWG HAJI DAMIT
No. 302A, Kg. Kota Batu, Bandar Seri Begawan
BD1571 Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 29 Mei 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
30 Mac 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **28 Mei 2013, pukul 10.30 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Mei 2013, pukul 10.30 pagi.**

Bertarikh : **6 Mei 2013**

KEBANKRAPAN NO. 278 TAHUN 2012
HSBC FINANCE (B) BERHAD

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

**AWANG UNTONG BIN HAJI
RAIM@RAMLI**
(BYIC NO. 00-056716)

....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **4 April 2013.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

AWANG UNTONG BIN HAJI RAIM@RAMLI
No. 5EF 30, Flat Beribi, Bandar Seri Begawan
BE1118 Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 24 Julai 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
4 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **28 Mei 2013, pukul 11.30 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Mei 2013, pukul 11.30 pagi.**

Bertarikh : **6 Mei 2013**

KEBANKRAPAN NO. 352 TAHUN 2012
HSBC FINANCE (B) BERHAD

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

RUSLIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN
(BYIC NO. 00-275111 / RBAF NO. 13671)
....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada
20 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

RUSLIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN
No. 46C, Jalan Kustin Spg 31, Kg. Terunjing
Baru, Berakas Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 17 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
20April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **28 Mei 2013, pukul 10.00 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Mei 2013, pukul 10.00 pagi.**

Bertarikh : **6 Mei 2013**

KEBANKRAPAN NO. 261 TAHUN 2012
**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

HAJI SUHAIMIN BIN HAJI ISMAIL
(BYIC NO. 00-279044)

....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada
20 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

HAJI SUHAIMIN BIN HAJI ISMAIL
No. 27 'C' Kampung Bolkiah 'A' Perumahan
Burung Sakar, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 13 September 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
20April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **29 Mei 2013, pukul 2.30. petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **29 Mei 2013, pukul 2.30 petang.**

Bertarikh : **6 Mei 2013**

KEBANKRAPAN NO. 261 TAHUN 2012
**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**

....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
Vs

HAJI SUHAIMIN BIN HAJI ISMAIL
(BYIC NO. 00-279044)

....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada
20 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

HAJI SUHAIMIN BIN HAJI ISMAIL
No. 27 'C' Kampung Bolkiah 'A' Perumahan
Burung Sakar, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen: 13 September 2012



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**PEMBERITAHUAN
BAGI MENDAPATKAN PENYEWAAN BANGKU-BANGKU DAN
PETAK-PETAK DI GERAINKA
MUKIM LIANG**

1. ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa penyewaan bagi mendapatkan bangku-bangku dan petak-petak Gerainka Mukim Liang dibukakan kepada orang ramai.

2. Sehubungan dengan itu, pemohon-pemohon yang berminat bolehlah mendapatkan borang seperti berikut:-

Tarikh permohonan dibukakan pada **30 Mei 2013**.

Tarikh akhir mengembalikan borang pada **19 Jun 2013, jam 2.00 petang**.

Tempat: **Kaunter Bahagian Melesen, Jabatan Daerah Belait, Kuala Belait**.

3. Syarat-Syarat:-

i. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap, bermastautin di Mukim Liang yang berdekatan.

ii. Pemohon-pemohon hendaklah memiliki Sijil Pendaftaran Perniagaan Seksyen 16 & 17

iii. Borang-borang permohonan dan keterangan lanjut mengenai penyewaan ini bolehlah diperolehi dari Unit Melesen, Jabatan Daerah Belait pada waktu-waktu pejabat.

4. Bangku-bangku dan Petak-Petak Gerainka Mukim Liang adalah terhad, pemohon yang memenuhi syarat sahaja yang dipertimbangkan.

4.1 Bangku-Bangku Sayur-Sayuran dan Buah-Buahan - 10 Unit

4.2 Bangku-Bangku Basah - 10 Unit

4.3 Petak-Petak Jualan Makanan - 6 Unit

4.4 Bayaran Sewa Sebulan - 1 Unit = \$8.00 sebulan

5. Perhatian

1. Borang permohonan yang tidak lengkap, tidak akan dipertimbangkan.

2. Borang permohonan yang dihadapkan selepas **tarikh terakhir mengembalikan borang pada 19 Jun 2013 tidak akan dilayan**.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

No. Tawaran : JPPK/LTN/13/2013

Tajuk Tawaran :

**PROPOSED NEW SPORTS
COMPLEX AT PENGKALAN
TENTERA UDARA ABDB - DIVING
TOWER AND PLATFORM**

Bayaran Tawaran :

B\$30.00

(Tidak dikembalikan)

Kelas : IV DAN KE ATAS SAHAJA

Kategori : KA01 ATAU B01

Tempoh Penyiapan :

EMPAT (4) BULAN

a. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa 4 Jun 2013** Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa **hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat)**. **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 30 Mei 2013, hari Khamis jam 4.00 petang**.

b. Bayaran Tawaran, *Tender Fee* hendaklah dibayar di **Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Pintu Masuk 5, Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam**.

**WAKTU BAGI MENERIMA
BAYARAN**

ISNIN - KHAMIS :

8.00 pagi - 3.00 petang

JUMAAT :

8.00 - 10.30 pagi

2.30 - 3.00 petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran

Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bon- fide tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Pemborong yang tidak memenuhi kelas dan kategori yang dinyatakan, tidak akan dibenarkan untuk menyertai tawaran ini.

e. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

f. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bon-fide tender*) dan tidak akan dilayan.

g. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

h.. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

i. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

j. Pembekal kelas rendah yang berkeinginan untuk ikut serta hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dengan memohon secara bertulis ke alamat Pengarah Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1, Blok D, bangunan Kementrian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam. Permohonan tersebut hendaklah dihantar dan diterima oleh jabatan tidak lewat satu minggu dari tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran.



**LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
MB/PRO/T/04/2013**

**TAJUK :
STRUCTURAL INTEGRITY WORKS
AT BANGUNAN LETAK KERETA
BERTINGKAT JALAN CATOR
BANDAR SERI BEGAWAN**

**TARIKH MULA :
25 MEI 2013, JAM 9.00 PAGI
PENGAMBILAN DOKUMEN
TARIKH AKHIR :
28 MEI 2013, JAM 2.00 PETANG
PENGAMBILAN DOKUMEN
TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 4 JUN 2013
(Sebelum jam 2.00 petang)**

Syarat-syarat Tawaran ;

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipe-lawa kepada syarikat-syarikat yang mempunyai Sijil Kelas III sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam bidang kerja KPB11 & B02 & KPB02 iaitu kepakaran dalam Structural Integrity Improvement Works.

2. Yuran Tawaran adalah B\$30.00 (Tiga Pulu Ringgit Sahaja) secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).

3. Sebelum mendapatkan dokumen tawaran, penender-penender dikehendaki membuat pembayaran yuran dokumen tawaran terlebih dahulu di Bahagian Kewangan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran, Jalan Kumbang Pasang.

4. Sebelum membuat sebarang pembayaran, penender-penender hendaklah mendapatkan maklumat bagi kerja-kerja yang ditawarkan di Pengurusan Projek, Tingkat 5 Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumi Putera, Jalan Cator.

5. Dokumen tawaran bolehlah di dapati di Pengurusan Projek, Tingkat 5 Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumi Putera Jalan Cator.

6. Tawaran yang lengkap hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan :

**TAJUK :
STRUCTURAL INTEGRITY WORKS
AT BANGUNAN LETAK KERETA
BERTINGKAT JALAN CATOR
BANDAR SERI BEGAWAN**

**BILANGAN TAWARAN :
MB/PRO/T/04/2013**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 4 JUN 2013 (Jam 2.00 petang)**

7. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan kedalam peti tawaran dan dialamatkan seperti di bawah :

**PENGERUSI LEMBAGA
TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI,
TINGKAT 1,
BANGUNAN KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI
JALAN JAMES PEARCE
BANDAR SERI BEGAWAN BS 8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Tidak lewat hari Selasa, 4 Jun 2013
(sebelum jam 2.00 petang)**

8. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling rendah atau lain-lain tawaran.



**UNIT PEMELIHARAAN ISTANA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bilangan Tawaran :
KPN.IMU/T38/2013**

**Tajuk kerja:
RESTORATION OF SWIMMING
POOL SYSTEM FOR SIX (6) CLASS F
VVIP GUEST HOUSES AT
ASSARRAA COMPLEX, JALAN
KUMBANG PASANG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tarikh Tutup: 11 JUN 2013

Yuran Tawaran: B\$30.00

Tempat Tutup:

**PENGERUSI LEMBAGA
TAWARAN KECIL
TINGKAT BAWAH,
BANGUNAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN BB 3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kelayakan: PEMBORONG YANG MEMPUNYAI SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (KELAS I, II, III, IV, V ATAU VI-KATEGORI KPME01) DAN SIJIL PERNIAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM BAB 16 & 17

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Pemeliharaan Istana Tingkat Bawah, Kementerian

Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran :
KPN.IMU/T39/2013
Tajuk kerja: RESTORATION OF
OUTDOOR SPA
SYSTEM FOR FIVE (5) CLASS F
VVIP GUEST HOUSES AT
ASSARRAA COMPLEX,
JALAN KUMBANG PASANG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Tarikh Tutup: 11 JUN 2013
Yuran Tawaran: B\$30.00**

Tempat Tutup:
**PENGERUSI LEMBAGA
TAWARAN KECIL
TINGKAT BAWAH,
BANGUNAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS**

**BANDAR SERI BEGAWAN BB 3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kelayakan: PEMBORONG YANG MEMPUNYAI SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (KELAS I, II, III, IV, V ATAU VI-KATEGORI KPME01) DAN SIJIL PERNIAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM BAB 16 & 17

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Pemeliharaan Istana Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

ABDB hulur sumbangan kepada anak-anak istimewa

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

RIMBA, Sabtu, 25 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan anggota-anggotanya dan ahli keluarga masing-masing terutama dalam mengadakan aktiviti kemasyarakatan.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada 64 anak-anak istimewa anggota ABDB diadakan di Dewan Punai, Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-52.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemerintah TUDB, Brigedier Jeneral (U) Awang Haji Wardi bin Haji Abdul Latip dan isteri, Pengiran Umi Suhana binti

Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan.

Sumbangan berbentuk wang tunai daripada Tabung Kebajikan ABDB, Dana HUT ABDB Ke-52, MS ABDB, Kowira serta sumbangan dari BAKTI itu disampaikan oleh tetamu kehormat dan isteri kepada anak-anak istimewa tersebut.

Acara ini merupakan salah satu antara aktiviti kemasyarakatan yang diadakan setiap tahun bersempena dengan Hari Ulang Tahun ABDB sebagai tanda pemeduliaan dan keprihatinannya terhadap anak-anak istimewa ABDB serta komitmen terhadap kebajikan masyarakat yang memerlukan pertolongan.

Dengan sumbangan sedemikian sekurang-kurangnya dapat memberikan semangat dan pendorong dalam membentuk masyarakat penyayang terutamanya generasi muda untuk melahirkan modal insan yang sempurna.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Komandan Akademi Pertahanan, Timbalan Pemerintah TDDB, Timbalan Pemerintah TLDB, Timbalan Pemerintah TUDB, Timbalan Komandan IL ABDB, Pemangku Timbalan Pegawai Pemerintah RPK, pegawai-pegawai ABDB dan para ibu bapa, penjaga dan saudara-mara anak-anak istimewa tersebut.

PEMERINTAH TUDB, Brigedier Jeneral (U) Awang Haji Wardi bin Haji Abdul Latip semasa menyampaikan sumbangan kepada anak-anak istimewa ABDB sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-52.



Hormati lagu kebangsaan dan bendera negara

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Lagu kebangsaan dan bendera negara merupakan simbol rasmi dan identifikasi sesebuah bangsa dan negara selain menjadi lambang perpaduan serta kedaulatan yang mesti dihormati oleh setiap warganya.

Secara praktikalnya lagu kebangsaan dan bendera negara itu dapat menimbulkan semangat kenegaraan dan kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara kepada warga pemiliknya.

Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi menyatakan perkara tersebut pada Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Sekolah Rendah Amar Pahlawan, Brunei II, di sini.

Hadir sama pada taklimat tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan Guru Besar Sekolah Rendah Amar Pahlawan, Dayang Hajah Aisyah binti Haji Md. Daud.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan ini antara lain bertujuan untuk mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para pelajar Tahun 5 dan 6 terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke

arah kesedaran hidup berbangsa, beragama dan berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja.

Selain itu, program ini juga dihasratkan untuk menyemai perasaan cintakan bangsa, agama dan raja serta negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar melalui lagu

kebangsaan dan bendera negara.

Acara pada hari tersebut dimulai dengan nyanyian lagu kebangsaan beramai-ramai disusuli lagu patriotik 'Bendera Negara' serta taklimat kenegaraan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Md. Yusof dan tayangan klip video mengenai bendera negara.

Program Taklimat Kenegaraan ini akan menjadi projek berterusan Jabatan Penerangan dan akan dilaratkan di keempat-empat daerah.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa menyampaikan hadiah kuiz kepada seorang murid yang memenangi Kuiz Kenegaraan.



TAKLIMAT 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Mohd. Yusof.

Tingkatkan kefahaman mengenai isu kewangan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

GADONG, Jumaat, 24 Mei. - 29 peserta mewakili 15 institusi perbankan dari dalam dan luar negeri yang menyertai 'SEACEN-Deutsche Bundesbank Course on Consolidated Supervision' anjuran Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup Kursus tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil ialah Penolong Pengarah Urusan AMBD, Awang Haji Adi Marhain bin Haji Leman.

Terdahulu sebelum itu, Awang Haji Adi Marhain dalam ucapan alu-aluannya berkata, kursus selama lima hari itu telah menyaksikan siri ceramah, kes kajian dan latihan-latihan mengenai topik yang boleh meningkatkan minat dan kepentingan peraturan.

Beliau percaya kursus tersebut dapat memberikan manfaat besar kepada peserta dalam menjalankan tanggungjawab dan peraturan dalam bidang pengawasan masing-masing.

Pusat Latihan dan Penyelidikan SEACEN yang ditubuhkan pada tahun 1982 dan dianggotai oleh lapan ahli bank pusat/autoriti monetari itu meningkat kepada

19 ahli pada tahun 2013 ini.

Objektif SEACEN antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai isu-isu kewangan, monetari, perbankan dan kemajuan ekonomi yang mempunyai kepentingan dalam kalangan ahli-ahli bank pusat dan autoriti monetari SEACEN dan kawasan serantau.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk merangsang dan memudahkan cara kerjasama antara ahli-ahli bank-bank pusat dan autoriti monetari SEACEN dalam bidang penyelidikan dan latihan.

Kursus itu juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada para peserta menilai kedudukan kewangan dan risiko kumpulan perbankan melalui kajian kes dan latihan-latihan yang menggunakan pendekatan pengawalseliaan yang kualitatif dan kuantitatif dengan berpanduan kepada 'The Base Framework' dan juga amalan-amalan terbaik yang lain.

Turut hadir ialah Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN serta pegawai-pegawai kanan AMBD, SEACEN dan Deutsche Bundesbank.



PENOLONG Pengarah Urusan AMBD, Awang Haji Adi Marhain bin Haji Leman, selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang mengikuti kursus tersebut.

RALAT

KETERANGAN gambar di muka 9, Akhbar Pelita Brunei keluaran 27 Mei 2013 yang tersiar hendaklah dibaca "SETIAUSAHA" Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan Sijil Kursus Asas Dalam Perkhidmatan Kanak-Kanak kepada peserta yang mengikuti kursus berkenaan." - Penyunting.

Sukan Antara Mukim-Mukim Brunei Darussalam 2013 dilancarkan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 25 Mei. - Sukan Antara Mukim-Mukim Brunei Darussalam 2013 Peringkat Kebangsaan buat kali pertama dianjurkan pada tahun ini dijangka akan disertai oleh 38 mukim meliputi 17 mukim dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Belait masing-masing disertai oleh lapan mukim, sementara Daerah Temburong diwakili oleh lima mukim.

Pada temasya sukan itu nanti sebanyak 11 acara sukan akan dipertandingkan meliputi sukan moden seperti sukan badminton, bola jaring, dart, futsal, pingpong, sepak takraw dan olahraga (*road racer relay*) dan sukan tradisi seperti silat seni tradisi, tarik kalat, gasing dan pasang.

Timbalan Pengarah II Belia dan Sukan, Awang Haji Md. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani, selaku Timbalan Pengerusi Bersama sukan tersebut menerangkan tujuan penganjur mempertandingkan acara sukan tradisi itu adalah untuk mengangkat martabat sukan berkenaan ke peringkat kebangsaan agar tidak pupus dan terus diingati oleh generasi muda pada zaman serba canggih ini dan sukan-sukan yang dipilih adalah berdasarkan pada populariti dan juga kemudahan-kemudahan yang sedia ada di keempat-empat daerah.

Majlis Pelancaran Sukan berkenaan disempurnakan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, selaku wakil peribadi Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, di sini.

Dengan pelancaran tersebut menandakan bermulanya pertandingan-pertandingan sukan di peringkat mukim dan daerah sehingga bulan November nanti bagi memilih wakil bagi setiap daerah untuk ke peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada bulan Disember tahun ini.

Sukan berkenaan merupakan salah satu aktiviti anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama KHEDN dan Persatuan



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, selaku wakil peribadi Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa melancarkan sukan tersebut.

Sukan Kebangsaan (PSK) sebagai galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat mukim dan kampung terutama golongan remaja, belia dan warga emas di negara ini supaya akan bergiat aktif dengan kegiatan sukan.

Sukan itu juga diharap akan mampu mengembangkan kegiatan sukan seiring dengan pembangunan sosial, ekonomi dan ke-rohanian dalam kalangan penduduk mukim dan kampung.

Awang Haji Md. Zamri menyatakan tujuan utama sukan mukim-mukim diadakan sebagai salah satu usaha berterusan JBS ke arah pembangunan sukan untuk masyarakat dan pada masa yang sama ke arah kecemerlangan sukan melalui penyertaan penduduk kampung dan mukim di keempat-empat daerah di negara ini.

Oleh yang demikian, Awang Haji Md. Zamri menggesa penduduk dan masyarakat kampung yang mewakili mukim



SUKAN Wushu di bawah jurulatih kebangsaan, Li Hui dan seorang jurulatih dari Republik Rakyat China turut membuat persembahan pada majlis pelancaran berkenaan.

masing-masing akan dapat sama-sama menjayakan sukan berkenaan melalui penglibatan dalam acara-acara yang akan dipertandingkan nanti yang merupakan sebagai salah satu aktiviti yang menyumbang ke arah kecergasan, kesihatan fizikal dan mental serta perpaduan dalam kalangan semua peserta dan juga jawatankuasa yang terlibat.

Pada masa yang sama, beliau penuh berharap dan berkeyakinan dengan kerjasama yang padu dari semua pihak akan dapat meningkatkan kualiti dan kesedaran kesihatan rakyat dengan mewujudkan usaha sama yang melibatkan semua masyarakat sekeliling dan pengungkayahan dan penglibatan anak buah kampung dalam acara kesukuan dan riadah.

Majlis pelancaran sukan itu juga diserikan dengan persembahan karatedo, taekwando, wushu dan silat tradisi.

Pasukan Kampung Puni johan Perlawanan Futsal Belia Masjid



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop semasa menyampaikan hadiah kepada johan Perlawanan Futsal Belia-Belia Masjid, Surau dan Balai Ibadat Bagi Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Tahun 1434H/2013M, Pasukan Belia-Belia Masjid Kampung Puni.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Ahad, 26 Mei. - Pasukan Belia-Belia Masjid Kampung Puni muncul johan Perlawanan Futsal Belia-Belia Masjid, Surau dan Balai Ibadat Bagi Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Tahun 1434 Hijriah/2013 Masihi setelah menumpaskan Pasukan Belia Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie 'B', 3-2 pada perlawanan di Gelanggang Futsal, Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, di sini.

Belia Masjid RPN Kampung Rataie 'B' mendahului perlawanan setelah menjaringkan satu gol pada separuh masa pertama dan satu gol lagi pada separuh masa kedua, namun belia Masjid Kampung Puni berjaya

menyamakan kedudukan setelah menjaringkan dua gol pada separuh masa kedua.

Belia Masjid Kampung Puni berjaya menambah satu gol lagi melalui sepakan penalti yang sekali gus menempatkan Pasukan Belia Masjid RPN Kampung Rataie 'B' di tempat kedua.

Tempat ketiga pula dimenangi oleh Belia Balai Ibadat Kampung Piasau-Piasau setelah menang selesa ke atas lawannya Belia Masjid Kampung Batu Apoi 4-1.

Sementara itu Mohammad Khairil Azizi bin Khairul Ashraf dinobatkan sebagai pemain terbaik keseluruhan, manakala Mohammad Mufadzir Huzairie bin Moksini dinobatkan

sebagai penjaga gol terbaik, manakala penjaring gol terbanyak pula jatuh kepada Aziz bin Metassan.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop.

Perlawanan kali kedua anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Kampung Rataie itu bertujuan mendedahkan golongan belia agar memahami nilai-nilai kesihatan tubuh dengan bergiat aktif dalam bidang sukan kerana dengan tubuh badan yang sihat dan cergas seseorang itu akan dapat melakukan ibadah dengan sempurna.

Selain itu, perlawanan seumpamanya juga boleh dijadikan panduan bagi golongan belia agar mereka memelihara kesihatan kerana kesihatan juga merupakan aset kehidupan yang amat penting.

Brunei sertai Kejohanan Bolasepak FAM-FRENZ ASEAN

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Pasukan NFABD bawah 15 tahun akan mewakili Negara Brunei Darussalam sekali gus menyertai Kejohanan Bola-sepak FAM-FRENZ ASEAN Bawah 15 Tahun.

Sebanyak 12 pasukan akan bertanding mewakili kesemua negara-negara ASEAN termasuk Timor Leste, sementara Malaysia selaku tuan rumah menghantar dua pasukan.

Pasukan negara telah ditempatkan dalam Kumpulan 'B' bersama-sama pasukan

Frenz Indonesia, Frenz Malaysia 'B', Lao Toyota FC, Myanmar Mandalay FC dan Filipina Bawah 15 Tahun.

Manakala Kumpulan 'A' dibarisi oleh pasukan Kemboja Phnom Penh Crown, Timor Leste Bawah 15 Tahun, Singapura NFA, Thailand Chonburi FC, Viet Nam PVF Fad dan Frenz Malaysia 'A'.

Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Md. Yusoff bin Abu Bakar

menyatakan perkara tersebut pada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja FAM-FRENZ ASEAN U15 Championship di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas, di sini.

Dalam kejohanan tersebut sebanyak 10 perlawanan akan diadakan iaitu lima dalam negeri dan lima lagi di luar negeri.

Sehubungan itu, beliau berharap pasukan negara akan dapat memperlihatkan serta mempamerkan permainan yang bermutu tinggi dan mencapai kejayaan hingga ke perlawanan akhir.

Pasukan negara yang membariskan seramai 20 pemain terdiri dari para pelajar yang sering giat melakukan

latihan dengan dibimbing oleh beberapa orang jurulatih.

Penyertaan negara ke kejohanan ini dibuat dalam masa yang singkat, namun ianya adalah sebagai sokongan kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan sesuai dengan saranan FIFA yang memberikan perhatian dari akar umbi.

Menurut Setiausaha Agung NFABD, Awang Mohd. Noor bin Haji Abdullah dengan adanya kejohanan pada peringkat seumpama ini ia secara langsung memberi peluang pendedahan kepada pemain peringkat muda.

Pasukan negara yang sepatutnya beraksi hari ini di luar negara menentang



TIMBALAN Presiden Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Md. Yusoff bin Abu Bakar semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja FAM-FRENZ ASEAN U15 Championship.

Lao Toyota FC terpaksa ditunda oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, manakala perlawanan pertama di dalam negara akan diadakan

pada 1 Jun depan menentang FRENZ Indonesia.

Semua perlawanan dalam negeri akan diadakan di SNHB, Berakas.

Menerima mengadap Presiden Republik Singapura dan isteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam.

Brunei-Singapura eratkan persahabatan

Dari muka 1

Baginda juga berpuas hati kerana terdapatnya interaksi yang bermanfaat di peringkat para menteri dan pegawai dari kedua-dua buah negara bahkan juga interaksi dalam kalangan para belia serta atas perancangan TYT untuk membuat perjumpaan dengan beberapa orang belia tempatan semasa Lawatan Negara tersebut.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam, seperti juga Republik Singapura telah pun melaburkan usaha dan sumber kepada pembangunan belia, supaya mereka boleh terus membuat sumbangan yang berguna kepada negara.

Sejak tahun 1976 lagi, tambah baginda, terdapat kerjasama yang erat dalam bidang pertahanan di antara kedua-dua buah negara.

Baginda gembira bahawa selama hampir 30 tahun ahli-ahli Angkatan Bersenjata Republik Singapura

termasuk juga kepada mereka yang menjalani Program Khidmat Negara, telah dapat menjalani latihan mereka di hutan Temburong.

Dalam hal ehwal serantau, Kebawah DYMM amat menghargai sokongan berterusan Republik Singapura kepada Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini.

Di akhir titah, Kebawah DYMM menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura mempunyai banyak kepentingan bersama dalam usaha ke arah keamanan dan kestabilan serantau, bagi tujuan membolehkan negara-negara anggota ASEAN membangun dengan lebih pesat lagi ke arah ekonomi yang lebih mantap.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah pada Majlis Persantapan Negara.



Hubungan Brunei - Singapura lebih daripada rakan kongsi



PRESIDEN Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam semasa menyampaikan ucapan balas pada Majlis Persantapan Negara.

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail, Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam berkata persahabatan antara Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam lebih daripada sekadar rakan kongsi berdasarkan kepada saling percaya dan hormat-menghormati antara kedua-dua negara.

Kedua-dua buah negara, menurut TYT berkongsi hubungan istimewa sejak dari Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Tuan Lee Kuan Yew yang mengasaskan hubungan tersebut.

"Generasi pemimpin pada masa ini telah membina dan mengukuhkannya. Saya berharap bahawa generasi akan datang akan melakukan perkara yang sama," ujar TYT.

TYT menambah, kedua-dua buah negara berkongsi pandangan yang sama dengan menumpukan kepentingan dan bekerjasama dari awal lagi.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura jelas TYT saling bantu-membantu sehingga kini dan berharap Negara Brunei Darussalam juga akan bersetuju bahawa hubungan Brunei-Singapura bukan sahaja sebagai rakan kongsi tetapi rakan lama yang erat.

Hubungan dalam bidang pertahanan, tambah TYT, sangat istimewa dan telah menyumbang pada keselamatan dua hala dan Republik Singapura sentiasa menghargai Negara Brunei Darussalam kerana menyediakan kawasan latihan bagi Angkatan Bersenjata Republik Singapura.

TYT percaya angkatan bersenjata kedua-dua buah negara mendapat faedah dan berkembang bersama daripada kerjasama ini.

Jelas TYT, ikatan peribadi yang kukuh juga telah terus dibina antara generasi tentera.

TYT juga berkata Republik Singapura akan meneroka bidang kerjasama baru dengan mengemaskinikan Perjanjian Persefahaman MOU dalam kerjasama kesihatan yang akan meningkatkan perkongsian maklumat dan mengembangkan kerjasama dalam bidang baru seperti penyakit tidak berjangkit dan promosi kesihatan.

Singapore's NParks kata TYT juga telah bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Brunei dalam kajian botani mengenai biodiversiti Brunei dan warisan semula jadi yang indah.

Kerjasama kajian ini menurut TYT akan membantu mewujudkan kesedaran ekosistem semula jadi Negara Brunei Darussalam dan pengetahuan saintifik daripada kajian ini diharap akan mengukuhkan dasar biodiversiti dan pemuliharaan di seluruh dunia.

TYT sangat gembira melihat belia kedua-dua buah negara bekerjasama untuk saling bantu-membantu dan mengambil maklum Universiti Brunei Darussalam bekerjasama dengan Singapore's Mercy Relief untuk mengukuhkan usaha-usaha kemanusiaan di ASEAN yang mana inisiatif ini akan menjadikan hubungan kedua-dua negara lebih erat.

TYT juga berhasrat untuk bertemu dengan belia-belia Brunei bagi memahami tentang harapan dan aspirasi mereka kerana belia-belia inilah yang akan menentukan masa hadapan negara masing-masing.

Di akhir ucapan balas TYT mengucapkan tahniah kepada Kebawah DYMM di atas kejayaan membimbing ASEAN pada tahun ini dan menyatakan Republik Singapura akan terus memberikan sokongan sepenuhnya pada Negara Brunei Darussalam semasa menjadi Pengerusi ASEAN.

TYT juga sangat menghargai sokongan gigih Kebawah DYMM ke arah mengukuhkan hubungan dan menggalakkan interaksi antara kedua-dua buah negara.

'HARGAILAH ALAM SEKITAR'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.